



MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

## **PARLIAMENTARY DEBATES**

### **DEWAN NEGARA**

*Senate*

#### **PARLIMEN KETUJUH**

*Seventh Parliament*

#### **PENGGAL PERTAMA**

*Seventh Session*

---

**Jilid I**

**Bil:27**

**Hari Selasa**

**1hb Disember, 1987**

---

#### **KANDUNGANNYA**

##### **MENGANGKAT SUMPAH;**

**T.B. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih**

**(Ruangan 1)**

##### **PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

**Mengalu-alukan Ahli Baru**

**(Ruangan 1)**

##### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**(Ruangan 1)**

##### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara**

**(Ruangan 36)**



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Selasa, 1hb Disember, 1987**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih.

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi, Saya berharap semoga Ahli yang baru dipilih dan mengangkat sumpah tadi dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**BANK ISLAM - KEMAJUAN**

1. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Kewangan menyatakan dan memberikan penjelasan mengenai pembangunan, perkembangan dan kemajuan Bank Islam yang diwujudkan:

- (a) sejauh manakah pencapaiannya sebagai sebuah institusi kewangan;
- (b) sejauh manakah matlamat yang dicita-cita oleh pihak Kerajaan telah tercapai dari segi:
  - (i) perkembangan dan kemajuan dari segi untung rugi sehingga 31.12.1986;
  - (ii) perkembangan dan kemajuan dari segi peranan dan sumbangan Bank itu sendiri dengan berlandaskan akidah Islam dan
  - (iii) sejauh manakah sambutan orang ramai terhadap Bank Islam.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban ]:** Tuan Yang-di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang giat berusaha untuk meneruskan rancangan untuk mendirikan hospital-hospital bagi tiap-tiap daerah di negara kita bukan sahaja di kawasan-kawasan yang mundur.

Pembinaan hospital-hospital adalah mengikut keutamaan yang diberi berasaskan analisa kajian keperluan penduduk-penduduk yang mengambil kira perkembangan kependudukan sesuatu kawasan, serta taraf sosio ekonomi dan keadaan infrastruktur asasnya.

Kepantasan Kementerian untuk mencapai matlamat yang dicita-cita itu adalah tergantung kepada keupayaan sumber kewangan dan tenaga pekerja.

Dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kelima, sejumlah tiga belas hospital daerah telahpun diluluskan untuk dibina. Pembinaannya akan tertakluk kepada keupayaan sumber kewangan kttta.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuen Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria untuk Kementerian Kesihatan mengutamakan sesuatu projek daerah dilaksanakan? Saya mengemukakan soalan ini kerana hospital di daerah Alor Gajah dan Jasin di Negeri Melaka telah dijanji oleh Menteri Kesihatan yang lalu tetapi sehingga hari ini belum dapat dilaksanakan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan, kriteria-kriteria yang digunakan secara am. Untuk keadaan Hospital Daerah Alor Gajah, memang Kementerian telah merancang untuk dibina sebuah hospital baru di Alor Gajah menggantikan hospital yang terdapat dt sana dan di Jasin untuk mewujudkan sebuah hospital daerah yang baru. Tetapi dari segi kajian yang kita menjalankan, di Hospital Daerah Alor Gajah pada masa ini penggunaan katil-katil yang terdapat tidak begitu baik. Ini menunjukkan bahawa

keperluan untuk Hospital Daerah di Alor Gajah itu tidak begitu hendak diberi. keutamaan. Di Jasin juga keadaan yang sama tetapi perancangan Kementerian memang mempunyai tempat untuk kedua-dua hospital.

**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun perkara hendak menatnbah hospital yang baru ini bagus, tetapi saya hendak bertanya hari ini di seluruh Malaysia ada kekurangan doktor-doktor pakar. Sungguhpun ada hospital yang buruk, itu tidak berapa mustahak, kalau boleh digunakan. Dari segi pandangan saya, seluruh Malaysia saya membuat satu contoh, terutama sekali di Daerah Muar kekurangan doktor pakar. Satu daerah di Johor yang boleh dikatakan kedua besarnya, maka sekarang doktor pakar mata pun tidak ada, doktor pakar telinga dan hidung pun tidak ada, jadi terpaksa doktor dari pusat negeri Johor tiap-tiap bulan datang ke Muar sekali. Pakar hidung dan telinga datang empat bulan sekali. Kita memandang rakyat jelata Malaysia kita ini kebanyakan pergi ke hospital untuk rawatan adalah orang yang miskin hendak pergi hospital private atau klinik private, tiada wang. Jadi ini satu masalah yang selalu timbul. Bilakah Kerajaan boleh menghantar doktor pakar yang cukup kepada tiap-tiap hospital daerah, seperti di Muar....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kelmarin saya sudah mengingatkan, apa dia soalan tambahannya?

**Tuan Lau Keng Siong:** Ya, ya, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa itu? Jangan buat ucapan pula.

**Tuan Lau Keng Siong:** Minta doktor-doktor pakar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu sahaja.

**Tuan Lau Keng Siong:** Minta doktor-doktor pakar, terima kasih.

[Ketawa]

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul bukannya bangunan tetapi perkhidmatan yang dibekalkan melalui kemudahan-kemudahan yang terdapat yang lebih penting dalam merawat pesakit-pesakit. Saya tidak dapat bersetuju bahawa semua pesakit memerlukan tawatan daripada pakar-pakar perubatan. Jika begitu, saya rasa ada ramai daripada kalangan rakyat Malaysia akan meninggal kerana tidak cukup pakar pada masa ini dan tidak akan cukup pada bila-bila masa pun dan di maha-mana negara-negara pun. Banyak penyakit yang boleh dan harus dirawat oleh doktor-doktor biasa. Dalam bidang mata, telinga juga biasanya dapat dirawat oleh doktor-doktor biasa dan jika perlu Kerajaan mempunyai peraturan yang cukup untuk merujuk pesakit-pesakit itu kepada hospital-hospital di mana terdapat pakar-pakar tertentu ataupun mengaturkan untuk lawatan pakar-pakar itu ke hospital-hospital daerah.

Di Muar ini saya rasa lebih bernasib baik daripada banyak daerah sebab banyak pakar yang terdapat di situ,

#### PELABURAN MODAL ASING

5. **Tuan Haji Abdul Hnid bin Haji Latiff** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pemodal asing yang telah melabur di negara ini semenjak tahun 1985 hingga sekarang dan nyatakan jumlahnya pada tiap-tiap tahun dan nyatakan dalam perusahaan apakah mereka melabur. Apakah usaha-usaha Kerajaan yang positif untuk menarik lebih ramai lagi pemodal asing melabur di negara kita. Tindakkah menjejaskan pelabur dalam negeri dengan memberi peluang dan kemudahan yang begitu besar kepada pelabur asing. Jika tidak, apakah potensi di masa hadapan pelabur dalam negeri.

#### **Setiausaha Parlimen Kacanterian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka masa Januari 1985 hingga Oktober, 1987 pelaburan asing dalam sektor

perkilangan berjumlah sebanyak \$1.3 billion. Jumlah perangkaan tahunan adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Perlaburan Asing</b>
1985	\$361.3 juta
1986	\$528.4 juta
1987 (Januari/Oktober)	\$455.8 juta

Mengikut industri, pelaburan-pelaburan ini merangkumi berbagai jenis sektor. Pecahan daripada 3 sektor utama di mana pelaburan asing adalah paling tinggi bagi 3 tahun berturut-turut adalah seperti berikut:-

Tahun	Industri-industri	Jumlah Pelabur Asing
1985	1. Barang-barang bukan logam	M\$ 57.2 Juta
	2. Kelengkapan Pengangkutan	M\$ 56.1 juta
	3. Barang-barang logam asas	M\$ 52.3 juta
1986	1. Petroleum dan arang batu	M\$176.2 million
	2. Pengilangan makanan	M\$122.5 million
	3. Barang-barang elektrik dan elektronik	M\$ 52.3 juta
1987 (Jan-Okt.)	1. Barang-barang elektrik dan elektronik	M\$163.6 juta
	2. Pengilangan makanan	M\$ 74.7 juta
	3. Barang-barang getah	M\$ 46.9. juta

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat pelaburan asing masih boleh dipertingkatkan lagi. Untuk tujuan ini Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengemaskinikan strategi-strategi penggalakan pelaburan yang sedia ada dengan menggunakan pendekatan yang lebih sistematik. Kerajaan juga telah memperkenalkan langkah-langkah baru untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia serta memperbaiki lagi suasana pelaburan negara ini. Di antara langkah-langkah berikut ialah:-



- (i) Memperkenalkan galakan pelaburan yang baru di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan memperbaiki lagi di bawah Perbelanjaan 1987 dan 1988.
- (ii) Melonggarkan garis panduan penyertaan ekuiti pelabur asing dan pekerja-pekerja asing.
- (iii) Melonggarkan peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dengan mengecualikan Lesen Pengilang kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kumpulan wang pemegang-pemegang saham yang kurang daripada \$2.5 juta atau pekerja kurang daripada 75 orang.
- (iv) Pengurangan kadar tarif untuk tenaga elektrik, panggilan telefon antarabangsa dan teleks.
- (v) Menyegerakan permohonan kelulusan projek dan galakan, permohonan bagi pengecualian duti import untuk kilang dan jentera serta Kerajaan-kerajaan Negeri telah diarah supaya mempercepatkan kelulusan permohonan tanah perindustrian dan pelan bangunan.
- (vi) Kerajaan juga akan terus bergiat mengadakan seminar-seminar pelaburan di dalam dan luar negeri serta menghantar "Kumpulan Projek Spesifik" yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang pakar dalam projek tersebut untuk menggalakkan pelaburan asing di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, galakan-galakan dan kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh Kerajaan adalah untuk pelabur-pelabur dalam

negeri dan juga pelabur-pelabur asing. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak membeza-bezakan antara pelabur asing dan pelabur tempatan dalam pemberian galakan dan kemudahan pelaburan. Oleh itu, ia tidaklah menjejaskan pelabur-pelabur tempatan dari segi peluang dan menikmati kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Pelabur-pelabur tempatan adalah digalakkan untuk melaksanakan projek-projek pelaburan seperti yang telah dikenalpasti dalam pelan induk perindustrian, secara usahasama dengati pelabur asing.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Kerajaan telah berusaha untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing ke negara kita dengan mengadakan tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan, tetapi saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak pada masa sekarang negara kita sedang bersaing dengan negara jiran seperti Thailand untuk menarik pelabur-pelabur asing kerana di Thailand mereka melonggarkan syarat seperti Syarat kelulusan lesen dan lain-lain. Oleh yang demikian, lebih ramai pelabur-pelabur asing lebih suka mendirikan kilang di Thailand. Apakah tindakan dan langkah-langkah akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk bersaing dengan Thailand untuk menarik pelabur-pelabur ke negara kita?

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar Thailand ada menggalakkan beberapa pelabur asing ke negara Thailand. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia mengambil beberapa tindakan untuk memperbaiki suasana pelaburan negara kita dan kita dapatkan banyak hasil untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di sini.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian, sama ada adakah pihak Kementerian membuat anggaran jumlah pelaburan asing dan juga pelaburan tempatan bagi tempoh tiga tahun yang akan datang **ini**. Jika ada, berapa banyakkah jumlah yang dianggarkan dan dalam sektor-sektor manakah pelaburan ini dijangka akan dibuat?

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai 'anggaran' pada masa sekarang. Saya perlukan notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Tetapi jangan lupa sahaja **[Ketawa]**.

#### ALIRAN - KEGIATAN

**5. Tuan Haji Abu Lakar bin Lajim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap persatuan-persatuan yang mewakili kumpulan-kumpulan tertentu (interest group) yang bermotif politik misalnya ALIRAN. Adakah Kerajaan bercadang memansuhkan permit bergerak persatuan tersebut atau kegiatannya memang bersesuaian dengan undang-undang persatuan menyebabkan tindakan undang-undang ke atasnya tidak boleh diambil.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa membuat pengawasan terhadap kegiatan pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 termasuk ALIRAN. Tindakan akan diambil jika didapati pertubuhan-pertubuhan tersebut menjalankan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan Undang-undang Berdaftarannya atau jika satu-satu pertubuhan itu digunakan bagi maksud yang bertentangan atau memudaratkan kepentingan keselamatan negara, ketenteraman awam dan akhlak.

**LAWATAN PERDANA MENTERI KE BRITAIN/HUNGARY/RUSIA**

7. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakah prestasinya hubungan dua hala lawatan Perdana Menteri ke Britain, Hungary dan Soviet Russia pada bulan Julai yang lalu. Apakah faedah-faedah dan keuntungan yang positif kepada negara kita.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dijawab semasa menjawab Pertanyaan Mulut yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom dan Yang Berhormat Dato' Dr. K.S. Nijhar pada 30hb November, 1987. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

**LEMBAGA JAGUNG NEGARA**

8. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah fungsi Lembaga Jagung Negara.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Yang Berhormat, Kementerian pada mulanya bercadang untuk menubuhkan sebuah lembaga untuk jagung. Walau bagaimanapun setelah kajian semula dijalankan, cadangan penubuhan sebuah majlis adalah memadai pada peringkat ini dan akan diangkat untuk pertimbangan Kerajaan selanjutnya.

Adalah disyorkan Majlis tersebut berfungsi di dalam aspek-aspek pemberian khidmat nasihat, penggalakan penyelarasan, pengesanan dan penilaian serta memperakukan kawalan-kawalan sesuai berkaitan dengan usaha membangunkan industri jagung di dalam negara.

**JENAYAH ROGOL - HUKUMAN LEBIH BERAT**

9. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kehakiman menyatakan bahawa memandangkan pada masa ini, rakyat Malaysia, khususnya kaum wanita berada dalam keadaan yang tidak begitu- selamat kerana kejadian-kejadian kes rogol yang kerap berlaku di negara kita, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meminda per-untukan undang-undang dalam Kanun Keseksaan, supaya penjenayah-penjenayah yang didapati bersalah dalam kes-kes rogol itu, dikenakan hukuman mandatori. iaitu:

- (i) wajib didenda tidak kurang \$5,000;
- (ii) wajib dipenjara tidak kurang 5 tahun dan
- (iii) wajib di sebat tidak kurang dari 5 sebatan.

**4.12.87**

3. **Puan Hajjah Salbiah binti. Mohd. Akim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Kerajaan mengadakan hukuman yang lebih berat dan setimpal dengan kesalahan perogol kanak-kanak yang di bawah umur yang tidak pun berpakaian seksi dan tulak pun mengetahui sama sekali. Ibu bapa selalu cemas kerana perkara sedemikian sering berlaku di negara kita.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang hampir sama bertarikh 4hb Disember, 1987 yang di kemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, Kerajaan sememangnya sentiasa mengambil berat terhadap jenayah terkutuk **ini**. Bagi mengatasi masalah ini langkah-langkah perlu yang diambil oleh Kerajaan diantaranya ialah memperkuatkan rondaan oleh pihak polis di kawasan-kawasan yang sering berlaku jenayah termasuk jenayah rogol, mengambil tindakan tegas ke atas perogol-perogol mengikut lunas undang, memberi khidmat nasihat kepada masyarakat terutamanya murid-murid sekolah dan mengingatkan ibu bapa tentang perlunya mengawasi anak-anak perempuan mereka pada setiap masa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenan juga kajian ke atas undang-undang yang sedia ada dibuat dari masa ke semasa dan di sini inginlah -saya menjelaskan bahawa cadangan pindaan ke atas undang-undang mengenai rogol sedang mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, masalah kes rogol ini sedang sibuk dan sedang hebat diperbualkan di sana, sini. Pernah tidak di dalam penyiasatan polis bahawa kes rogol ini kadangkala menyebabkan perempuan yang membuat orang lelaki sehingga boleh jadi merogol?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua kalau pun ada berlaku sedemikian, tetapi undang-undang dalam bahasa Inggerisnya 'silent' dalam keadaan yang sedemikian. Sebab itu tidak dapatlah kita menerangkan lebih lanjut tentang perkara tersebut.

**Tuan C. Krishnan:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam Negeri memberi tahu, jika dalam pindaan undang-undang yang akan dibawa nanti satu peruntukan akan juga dibuat untuk mensyaratkan kes-kes hubungan seks oleh pegawai-pegawai Polis atau Penjara dengan gadis-gadis yang ditahan akan dianggap sebagai perogolan? Baru-baru ini terdapat kes-kes seperti itu di lokap polis di Kuala Lumpur.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang meliputi semua warganegara walau apa pekerjaan. Apabila undang-undang itu telah diluluskan, maka undang-undang itu akan meliputi seraua rakyat tidak pula terkecuali pihak yang ini berat, pihak yang ini ringan.

**Tuan Ng Peng Hay:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah. Tidak banyak masa lagi. Yang Berhormat Tuan Abdul Manap bin Hashim.

#### LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

10. **Tuan Haji Abdul Manap bin Hashim** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) adakah Lembaga Pelawat Hospital dimestikan serta di wujudkan di semua Hospital di Mataysia ini;
- (ii) jika sekiranya Lembaga Pelawat Hospital perlu dan mesti diwujudkan berapa lamakah tempoh perkhidmatan ahli-ahlinya; dan
- (iii) apakah fungsi sebenar Lembaga Pelawat Hospital.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan bahawa semua hospital di seluruh negara hendaklah mempunyai. Ahli Lembaga Pelawat.

Mengikut amalan Kementerian Kesihatan, ahli-ahli Lembaga Pelawat dilantik bagi tempoh 2 tahun atau 3 tahun. Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital berfungsi seperti berikut:

- (i) untuk melawat dan memberi nasihat kepada pihak berkuasa hospital mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang perlu diperbaiki serta cara mengatasinya.
- (ii) untuk menggalakkan perhubungan lebih rapat di antara pesakit-pesakit, orang-orang awam dengan kakitangan hospital; dan
- (iii) untuk memberi perkhidmatan kebajikan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan dan dari masa ke semasa membantu pihak hospital dalam kerja-kerja kebajikan tersebut.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk menambah bilangan ahli-ahli Pelawat Hospital kerana contoh, satu daripadanya di General Hospital, Kuala Lumpur, begitu besar sedangkan ahli-ahli pelawatnya begitu kecil bilangannya. Adakah Kementerian Kesihatan cuba bercadang untuk menambahkan bilangan itu?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah ahli dalam Lembaga Pelawat di satu-satu hospital adalah tertakluk kepada ramainya katil di situ atau pesakit yang pergi ke hospital itu dan biasanya jumlah ini adalah di antara 12 ke 16. Jadi hospital besar dapat 16 dan hospital kecil dapat 12.

**Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, adakah pelawat-pelawat ini dibenarkan melawat tanpa had masa dan mereka mempunyai kad pengenalan?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Lembaga Pelawat memang diberi kad pelawat, tetapi masa melawat rasmi ahli tersebut ke hospital hendaklah diberitahu lebih awal kepada pegawai menjaga hospital untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini seperti tidak ada sambutan, tidak ada bimbingan dan sebagainya.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu Ahli Lembaga Pelawat ini hendaklah memberitahu dahulu pihak hospital sebelum datang melawat. Tidakkah boleh pihak ahli Lembaga Pelawat ini datang dengan secara mengejut kerana ini rasa saya lebih baik kerana persediaan tidak ada dan kita boleh lihat apa yang sebenarnya yang berlaku. Kerana kalau sudah diberi tahu sudah tentulah akan dibuat persediaan terlebih dahulu dengan lebih rapi. Jadi, tidak membayangkan apa yang sebenarnya bertaku di hospital sebelum ahli-ahli Lembaga Pelawat itu datang melawat.



**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada halangan bagi sesiapa pun melawat ke hospital pada masa-masa yang ditentukan, iaitu masa lawatan. Jadi Ahli Lembaga Pelawat pun boleh pergi. masa lawatan biasa, tetapi jadi untuk melawat pada masa yang tidak dibenarkan, mesti ada security guard dan sebagainya yang tidak membenarkan orang masuk, tidak ada pegawai-pegawai yang dapat membawa Ahli Lembaga Pelawat ke tempat-tempat yang diperlukan dan sebagainya. Ada banyak halangan mengenai urusan hospital dan sebagainya. Jadi saya haraplah jika ada Ahli Lembaga Pelawat yang berminat sangat bolehlah melawat pada masa yang diizinkan seperti pelawat-pelawat yang lain, jika ada apa jua aduan bolehlah diberi maklumat kepada pegawai-pegawai menjaga hospital bukan untuk memberi membuat persediaan membaiki keadaan hospital, tetapi untuk menentukan bahawa Ahli Lembaga Pelawat itu disambut dan dibawa ke tempat-tempat yang beliau hendak pergi. Kalau tidak halangan kepada urusan hospital dan sebagainya akan memburukkan imej dan peranan Ahli-ahli Lembaga tersebut.

**Tuan Ng Peng Hay:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah.

#### LAWATAN KE RUSSIA

**11. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) adakah setelah Perdana Menteri melawat Russia baru-baru ini, Kerajaan bercadang membenarkan atau membolehkan rakyat Malaysia melawat Russia untuk melancong dan
- (ii) adakah Kerajaan bercadang membolehkan pelajar-pelajar Malaysia menuntut ilmu pengetahuan di Russia dalam bidang-bidang tertentu, jika tidak adakah Kerajaan bercadang membuat perjanjian dengan Russia untuk membolehkan rakyat kita belajar di Russia.

**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang Kerajaan tidak lagi menyekat rakyat Malaysia untuk melawat Russia bagi tujuan melancong.

Bagi soalan kedua Yang Berhormat itu, ingin saya nyatakan di sini bahawa urusan untuk menghantar pelajar-pelajar Malaysia yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka di institusi-institusi pelajaran tinggi di Soviet Union bergantung kepada tawaran-tawaran biasiswa yang diterima dari Soviet Union itu. Pada kebiasaannya Kerajaan hanya menimbangkan tawaran-tawaran seumpama itu daripada Soviet Union untuk mengikuti kursus-kursus jangka pendek selama terapoh tidak melebihi tiga bulan. Di antara kursus-kursus yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan adalah teknologi nuklear, pengurusan tenaga dan alam sekitar, agro-industri, teknologi pengeluaran baja dan pemerosesan beras.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Kerajaan telah melonggarkan sekatan seseorang pelancong dari negara kita untuk- ke Russia. Apakah proses dan cara untuk memohon mendapatkan visa yang berkenaan?

**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Visa boleh dipohon daripada Kedutaan Russia yang berada di Kuala Lumpur. dan pihak Wisma Putra akan juga memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada mana-mana permohonan untuk melawat ke negara Russia untuk tujuan pelancongan.

**BANJIR - LANGKAH PERSEDIAAN**

12. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menjelaskan langkah-langkah persediaan dan persiapan yang telah diambil bagi menghadapi kemungkinan berlaku banjir tahun ini..

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengambil beberapa langkah persediaan bagi menghadapi banjir pada tahun ini. Langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (a) mengenalpasti pusat pemindahan di semua negeri dan daerah supaya dapat digunakan semasa banjir berlaku.
- (b) mengenalpasti pengkalan hadapan di negeri-negeri Pantai Timur dan membekalkannya dengan beras, makanan kering dan barang-barang keperluan lain supaya dapat menggunakannya apabila diperlukan.
- (c) mengenalpasti pembekalan makanan dan barang-barang keperluan lain supaya barang-barang itu mudah diperolehi semasa kecemasan.
- (d) mengenalpasti pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti Persatuan Bulan Sabit Merah yang dapat memberi khidmat sokongan seperti memasak dan menyediakan makanan.
- (e) mengenalpasti tenaga sukarela dari kumpulan atau persatuan atau individu supaya mereka

- dapat menolong mengendalikan kerja-kerja pusat pemindahan bersama dengan mangsa banjir.
- (f) mengeluarkan bantuan pemulihan seperti makanan bagi mangsa yang menumpang di pusat pemindahan apabila mereka kembali ke rumah masing-masing.

#### JABATAN TELEKOM - PENSWASTAAN

13. **Tuan Shaik Dawood** minta Menteri tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan tujuan asal penswastaan setelah menswastakan Jabatan Telekom.

**Menteri Tenaga Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:** -

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan meraang berpuas hati dengan tujuan asal penswastaan Jabatan Telekom.

**Tuan G. Rajoo:** Satu daripada aspek penswastaan Perkhidmatan Telekom ialah cadangan untuk membolehkan orang ramai membeli saham-saham Syarikat Telekom Berhad. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bilakah saham-saham Syarikat Telekom akan dijual kepada orang ramai?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua tujuan penswastaan Jabatan Telekom atau telekomunikasi ialah untuk memberi peluang bagi rakyat jelata untuk mengambil bahagian dalam syarikat-syarikat ini, tetapi pada masa sekarang masanya belum tiba untuk Kerajaan menimbang tarikh bilakah ini boleh dijadikan, dan ianya akan berasaskan semata-mata atas commercial criteria sahaja.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyedari sungutan rakyat berkenaan dengan bil-bil telefon yang telah dibayar

- (i) Dalam tahun 1986 Sekolah Siasatan Jenayah yang terletak di Jalan Gurney, Kuala Lumpur telah dinaikkan taraf sebagai Maktab Siasatan Jenayah Polis Di-Raja Malaysia.
- (ii) Memperbanyakkan kursus dan seminar yang melibatkan pegawai-pegawai, anggota pangkat rendah dan juga kakitangan awam di Maktab Siasatan Jenayah Polis Kuala Lumpur dan juga Maktab Polis Kuala Kubu Baharu. Sepanjang tahun 1986 dan 1987, sebanyak 72 kursus dan seminar melibatkan 72 pegawai dan anggota Polis telah diadakan di Maktab Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur. Sementara itu dalam tempoh yang sama sebanyak 6 kursus telah dijalankan di Maktab Polis Kuala Kubu Baharu yang melibatkan pegawai-pegawai kanan Polis.
- (iii) Semenjak tahun 1984 Maktab Polis Kuala Kubu Baharu telah menganjurkan kursus Diploma Sains Kepolisan dan sehingga kini seramai 81 orang pegawai telah menamatkan kursus tersebut sementara 30 orang lagi sedang mengikutinya.
- (iv) Di samping menitikberatkan kursus dalam latihan, Jabatan Siasatan Jenayah juga telah raenyusun semula organisasinya termasuklah penubuhan beberapa unit khas seperti:
  - (a) Unit Risikan Jenayah;
  - (b) Cawangan Pencegahan Jenayah; dan
  - (c) Pembesaran Cawangan Jenayah Perdagangan.

oleh pengguna, tetapi apabila tiba bulan berikutnya bayaran-bayaran yang sudah dibayar itu masih diletakkan di dalam bil yang baru sehingga 2 hingga 3 bulan dan ini boleh mengeliru dan menyusahkan pengguna?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom Malaysia memang pernah dan selalu menerima aduan-aduan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, tetapi siasatan biasa dibuat juga memandangkan tidak ada kekeliruan berlaku.

Saya semalam telahpun membuat jawapan dengan soalan yang serupa ini dan tidaklah saya bercadang untuk menambahkan lagi.

**Tuan yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 14.

#### SIASATAN JENAYAH

14. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa sebagai yang diakui oleh pihak berkuasa siasatan jenayah, tahap kemahiran penyiasatan jenayah Polis Diraja Malaysia masih rendah dan tidak memuaskan. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki kepincangan ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Polis DiRaja Malaysia telah mengambil berbagai langkah bagi raeningkatkan tahap kemahiran penyiasatan jenayah Jabatan Polis dengan maklumat supaya ianya lebih bermutu dan berkesan. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (v) Untuk mempertingkatkan taraf kemahiran di mutu profesional yang tinggi Polis DiRaja Malaysia juga menghantar pegawai-pegawai mengikuti kursus-kursus kepakaran termasuk di luar negeri dan calon-calon berkelulusan profesional dalam bidang-bidang tertentu juga diambil menganggotai cawangan Jabatan Siasatan Jenayah.

#### HOSPITAL BESAR BARU, KUANTAN

15. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah projek untuk membina Hospital Besar Baru di Kuantan akan dimula, jumlah kos perbelanjaan, kemudahan-kemudahan kepakaran dan alatan-alatan yang sempurna.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang diPertua, peruntukan bagi jangka masa Rancangan Malaysia Kelima bagi projek Hospital Besar Baru di Kuantan telahpun diluluskan dari segi prinsipnya. Pelaksanaan akan bermula apabila pihak Perbendaharaan memberi kelulusan untuk memulakan projek ini.

Anggaran kos projek ini adalah seperti berikut:

Pembinaan	-	\$100,000,000.00
Kelengkapan	-	\$ 15,000,000.00
Jumlah		\$115,000,000.00

Kemudahan kepakaran yang akan diberi adalah sama dengan yang diberikan sekarang iaitu:

- (a) Pembedahan
- (b) Perubatan
- (c) Otopadik
- (d) Obstetrik dan Gyneokologi
- (e) Perkhidmatan Kanak-kanak
- (f) Perkhidmatan Optolomologi
- (g) Perkhidmatan Rawatan Kulit; dan
- (f) Perkhidmatan Sakit Jiwa

Dari segi peralatan pula dengan siapnya hospital baru ini sebilangan besar dari peralatan akan diganti dengan peralatan baru serba moden yang seimbang dengan teknologi moden. Di antara peralatan yang akan dibekalkan untuk menyokong perkhidmatan hospital baru kelas adalah peralatan untuk:

- (i) Jabatan Radiologi
- (ii) Dewan Bedah
- (iii) Jabatan Bahan-bahan Pengeluaran Suci-hama
- (iv) Jabatan Farmasi
- (v) Jabatan Physiologi
- (vi) Jabatan Pathologi & Tabung Darah
- (vii) Perkhidmatan Dobi
- (viii) Perkhidmatan Dapur
- (ix) Setor Perubatan
- (x) Rumah Mayat
- (xi) Bengkel Kejuruteraan.



**DASAR TELEKOMUNIKASI**

16. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementeriannya telah merancang sebarang **Polisi Telekomunikasi** untuk negara, memandangkan bertambah pentingnya teknologi telekomunikasi dalam perkembangan ekonomi negara.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang telahpun mempunyai dasar telekomunikasi seperti berikut:

- (i) Mengadakan perkhidmatan tetekomunikasi yang cepak dan berkesan di dalam dan untuk perhubungan luar negeri;
- (ii) Mengadakan perkhidmatan telekomunikasi yang menjamin keselamatan negara serta menggalakkan perkembangan ekonomi secara menyeluruh;
- (iii) Mengadakan perkhidmatan telekomunikasi yang boleh menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat telekomunikasi moden untuk menampung keperluan perhubungan dan perdagangan dalam negara dan antarabangsa.
- (iv) Mempastikan pemindahan teknologi dengan penubuhan industri telekomunikasi tempatan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan telekornunikasi dalam perkembangan ekonomi negara yang mana Jabatan Telekom memainkan peranan yang penting, adakah Jabatan Telekom akan mengkaji kadar tarif yang tinggi yang dikenakan bagi panggilan luar negeri jika dibandingkan dengan negara jiran kita seperti Singapura sehingga dua tiga kali ganda lebih rendah dari kadar bayaran telefon panggilan luar negeri, dibandingkan dengan negara kita?

Adakah, Jabatan Telekom atau Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan membuat kajian untuk mengadakan kadar yang lebih rendah sebagai satu insentif kepada pelabur-pelabur asing yang datang ke negara kita?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Telekom sebelum ianya, bertukar corak kepada Syarikat Telekom Malaysia telah membuat kajian dalam dua tahun yang lepas. Tarif yang telah diamalkan sekarang ialah hasil dari kajian yang dibuat di waktu itu dan Kerajaan berpendapat: tidak dapat dicadangkan pada masa sekarang untuk kita mengubahkan tarif itu.

#### LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE CHINA

17. **Dato' Dr. K. S. Nijhar** minta Menteri Luar Negeri, menyatakan apakah faedah ekonomi dan politik hasil daripada lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri ke negeri China baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, hasil lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Republik Rakyat China pada 6hb hingga

13hb September, perlu dilihat dari konteks usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dan ekonomi dengan Republik Rakyat China. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bertemu dan berbincang dengan beberapa orang pemimpin RRC mengenai isu-isu yang tertumpu kepada hubungan dua hala sahaja.

Mengenai perdagangan, Naib Perdana Menteri RRC, Tuan Tian Jiyun telah menyuarakan hasrat Kerajaan untuk memperkembangkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia. Jumlah perdagangan di antara kedua buah negara telah bertambah khususnya perdagangan terus sejak lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke RRC pada bulan November, 1985.

Semasa tawaran tersebut, pucuk pimpinan RRC telah dimaklumkan mengenai harapan Malaysia agar RRC terus membeli bukan sahaja bahan-bahan mentah, bahkan juga barang-barang siap dan separuh siap dari Malaysia. Hasilnya, pihak RRC telah meminta agar kayu balak yang akan dieksport ke RRC diproses terlebih dahulu di Malaysia untuk kemudahan pengangkutan. Pihak RRC juga telah menyuarakan keinginannya untuk terus mengimport hasil-hasil perhutanan, bahan-bahan mentah dan keluaran-keluaran lain.

Selain daripada itu, semasa lawatan ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menandatangani perjanjian perkapalan dengan Menteri Perhubungan RRC. Pihak RRC juga telah memberi jaminan kepada Malaysia untuk terus menghadkan eksport timahnya supaya tidak menjejaskan kepentingan negara-negara pengeluar di samping menghantar pemerhati ke mesyuarat-mesyuarat Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC). Jaminan yang sedemikian patut dialu-alukan tatkala harga timah di pasaran antarabangsa sedang mengalami kemelesetan.

Adalah jelas bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mendatangkan hasil yang menggalakkan dan membuka peluang yang lebih meluas kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk melibatkan diri di dalam pembangunan ekonomi RRC,

#### LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE JEPUN/CHINA

18. **Tuan Rasan bin Nam** minta Menteri Luar Negert menyatakan apakah hasil lawatan yang telah dicapai dilam rombongan lawatan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri kita ke negeri Jepun dan China baru-baru ini.

**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan negeri China saya telahpun jawab sebentar tadi.

Mengenai lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Ke Jepun, tujuan lawatan itu adalah untuk menarik pelabur-pelabur Jepun ke Malaysia. Semasa lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bertemu dan berbincang dengan beberapa orang pemimpin Kerajaan Jepun mengenai i.su-i.su yang tertumpu pada hubungan perdagangan dua hala. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga berkesempatan berbincang mengenai hal-hal perdagangan dengan pertubuhan terbesar ekonomi Jepun, iaitu KEINDANREN serta Japan Chamber of Commerce and Industry (JCCI) dan Japan-Malaysia Economic Association (JAMECA).

Di antara perkara-perkara yang dibincangkan ialah mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan serta pertukaran teknologi dan mengurangkan kadar faedah ke atas pinjaman Yen. Pihak Jepun telah berjanji untuk mengkaji secara mendalam mengenai perkara-perkara tersebut.

Beberapa rombongan pelaburan Jepun, termasuk rombongan dari Bank of Tokyo, dengan izin, telah berjanji untuk melawat Malaysia pada penghujung tahun ini manakala lapan buah syarikat Jepun telah menyatakan akan membuat permohonan kepada MIDA untuk melaksanakan projek berjumlah lebih kurang \$80 juta di Malaysia.

Adalah jelas bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Jepun telah juga mendatangkan hasil yang menggalakkan dan membuka peluang yang lebih luas untuk mempertingkatkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara tersebut.

#### MINYAK KELAPA SAWIT - PASARAN

19. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:
- (i) jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kementerian untuk memasarkan minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat dan Eropah;
  - (ii) jumlah wang yang diberikan setakat **ini** kepada Syarikat Hil and Knowlton untuk mematahkan kempen "American Soyabean Association" semenjak syarikat ini dilantik oleh Kementerian untuk memasarkan minyak kelapa sawit keluaran negara kita; dan
  - (iii.) kempen-kempen yang dilancarkan oleh Kerajaan untuk memasarkan minyak kelapa sawit di Eropah dan Amerika Syarikat dan kesannya sehingga ini.

**Tinbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:** - Tuan Yang di-Pertua, usaha menggalakkan pasaran untuk minyak kelapa sawit Malaysia di luar negeri termasuk di Eropah dan Amerika Syarikat adalah dijalankan secara berterusan. Ianya juga dijalankan dengan mengambil kira peranan dan kegiatan sektor swasta berasaskan pendirian bahawa Kerajaan menggalakkan aktiviti oleh pihak sektor swasta. Kementerian Perusahaan Utama tidaklah terlibat dalam urusan jual-beli secara langsung.

Berlandaskan hakikat ini usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Perusahaan Utama adalah dalam bentuk seperti berikut:-

- (i) Penganjuran misi-misi ekonomi dan teknikal minyak kelapa sawit; dan
- (ii) Pengwujudan Khidmat Nasihat-Teknikal kepada pengguna-pengguna.

Matlamat aktiviti ini ialah untuk mendapatkan Kerajaan-kerajaan asing menghapuskan rintangan-rintangan tarif dan bukan tarif terhadap kemasukan minyak kelapa sawit ke negara-negara mereka, memperkenalkan dan menjelaskan tentang ciri-ciri barangan itu kepada para-para pembeli serta mengatasi apa-apa sungutan para pengguna.

Dalam melaksanakan tugas ini Kementerian Perusahaan Utama mendapat sokongan dan kerjasama dari agensi-agensi di bawahnya yang berkenaan iaitu Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM).

Mengenai jumlah yang dibelanjakan bagi tahun lepas (1986) dan sepuluh bulan pertama 1987 angka-angkanya adalah seperti berikut:-

- (1) Misi Teknikal ke Amerika Syarikat dan Eropah pada 4hb hingga 25hb Mac, 1986. Misi ini juga melawat Hong Kong, Republik Korea dan negeri Jepun. Jumlah yang dibelanjakan ialah \$570,669.
- (2) Lawatan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ke United Kingdom, Italy, Belgium dan Amerika Syarikat pada 13hb Jun hingga 9hb Julai 1987. Yang Berhormat Menteri juga melawat Brazil dan Bolivia. Jumlah yang dibelanjakan ialah \$151,260.

- (3) Perbelanjaan PORIM untuk aktiviti Khidmat Nasihat-Teknikal termasuk pembiayaan, untuk Pejabat PORIM di United Kingdom adalah \$1,723,408.
- (4) Pembayaran kepada Syarikat Hill & Knowlton untuk usaha membanteras kempen anti minyak kelapa sawit sehingga 30hb November, 1987 berjumlah \$119,396.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk menggalakkan pasaran minyak kelapa sawit telah memberi kesan yang positif. Ini dapat dilihat dari eksport minyak kelapa sawit Malaysia yang terus berkembang. Dalam tahun 1986 misalnya, jumlah eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke Amerika Syarikat dan Eropah telah meningkat kepada 991,293 tan metrik daripada 665,437 tan metrik pada tahun sebelumnya.

Perlantikan Syarikat Hill & Knowlton untuk membantu dalam usaha membanteras kempen anti minyak kelapa sawit sehingga sekarang ini. telah juga memberi sumbangan sedikit sebanyak kepada pencapaian kita dalam kempen ini sehingga ke peringkat ini termasuk usaha-usaha menentang undang-undang atau peraturan-peraturan yang menghalang penjualan minyak kelapa sawit ke Amerika Syarikat daripada diluluskan oleh Congress. Akan tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, usaha-usaha untuk membanteras kempen minyak kelapa sawit ini adalah satu aktiviti yang berterusan.

**ORANG-ORANG TUA - PERLINDUNGAN**

20. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah aktiviti-aktiviti kempen- pendidikan yang diadakan untuk memberi kesedaran kepada keluarga supaya orang-orang tua tidak ditempatkan/kurang ditempatkan di rumah-rumah orang-orang tua di masa tuanya.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk menggalakkan keluarga dan saudara-mara untuk menjaga dan memberi perlindungan kepada ibu-bapa atau saudara-mara mereka yang tua. Kemasukan ke dalam sesuatu institusi atau Rumah Seri Kenangan adalah sebagai satu jalan yang terakhir sahaja. Untuk menggalakkan masyarakat bertanggungjawab terhadap ibubapa atau keluarga mereka yang tua, Kementerian Kebajikan Masyarakat senantiasa berusaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat melalui beberapa saluran seperti media massa, forum, seminar dan perjumpaan yang dianjurkan dari semasa ke semasa di seluruh negara ini.

Bagi membolehkan orang-orang tua yang daif dan miskin serta tidak pula mempunyai sanak-saudara yang berupaya untuk menyelenggarakan kehidupan mereka untuk terus hidup di dalam masyarakat, Kementerian ini mengadakan satu skim yang dikenali sebagai Bantuan Orang Tua. Tiap-tiap orang tua yang menerima bantuan ini dibayar \$50.00 sebulan untuk menampung keperluan asas seseorang itu. Di samping itu pula Kementerian Kebajikan Masyarakat berusaha untuk menggalakkan sanak-saudara, sahabat-handai atau masyarakat tempatan untuk memberi apa jua bentuk sumbangan terhadap mereka yang berkenaan. Dengan cara begini diharap dapatlah-menggalakkan mereka yang berkenaan untuk lebih bertanggungjawab terhadap ahli keluarga atau masyarakat yang tua.



**PENULIS SKRIP RTM**

21. **Tuan C. Krishnan minta** Menteri Penerangan menyatakan tentang penulis skrip di RTM, adakah mereka ini benar-benar mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai dasar-dasar Kerajaan, dan sekiranya tidak, adakah RTM mempunyai rancangan untuk melatih mereka dari tahun ke tahun. Ini adalah kerana tanpa pengetahuan yang lengkap akan polisi Kerajaan, mutu program-program yang ditayangkan akan terjejas di mana ia tidak akan mencerminkan nilai-nilai yang ingin dipupuk oleh Kerajaan di kalangan rakyat.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menjelaskan bahawa ada dua jenis skrip yang digunakan oleh pihak RTM iaitu skrip yang disediakan oleh penulis-penulis/penyunting skrip RTM sendiri dan juga yang ditulis oleh penulis-penulis daripada luar atau swasta. Penulis di RTM sendiri memang telah dimaklumkan tentang Dasar-dasar Kerajaan dan nilai-nilai pembangunan yang sesuai untuk dimasukkan dalam skrip-skrip mereka. Bagi penulis-penulis skrip swasta mereka juga dibekalkan dengan garis panduan-garis panduan yang telah disediakan oleh RTM dengan nasihat supaya mereka mengambil kira matlamat dan Dasar-dasar Kerajaan dalam penulisan-penulisan mereka.

Saya akui bahawa pengetahuan lengkap mengenai Dasar Kerajaan adalah perlu untuk semua penulis-penulis skrip dan oleh kerana itu Latihan sedia diberi melalui IPTAR (Institut Penyiaran Tun Abdul Razak), dan latihan itu dihadiri bukan sahaja oleh pegawai dan penulis skrip RTM sendiri tetapi juga dibuka kepada penulis-penulis swasta. Latihan ini sedang dipertingkatkan dan diperbanyakkan lagi supaya drama-drama RTM dapat mengandungi lebih banyak nilai-nilai pembangunan yang perlu ditanamkan di hati-sanubari penuntut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 22 hingga 31 adalah**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula per-  
ahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang  
ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (30hb November, 1987).

**Perbahasan disambung semula.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

3,38 ptg.

**Tuan Haji Jaafar bin Haron:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun  
mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang  
Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang  
Amanah Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan  
Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan  
dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang  
Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana telah membentangkan Rang  
Undang-undang ini sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Dewan  
yang mulia ini pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah  
Negara ini saya berpendapat adalah kena pada masanya bersesuaian

dengan keadaan negara kita yang sedang dalam membangun ini dan keadaan kemelesetan ekonomi dunia. Maka negara kita sudah sewajarnya membuat persediaan tabung kewangan untuk masa depan negara kita supaya negara kita dapat mengatasi dalam masalah kewangan. Walaupun Kumpulan Wang Amanah Negara ini hanya pada tahun ini baru Kerajaan kita bercadang menubuhkannya tetapi saya kira masih ,belum terlambat kerana begitulah sifat insan kita yang lemah.ini tetapi kita bersyukur kepada Tuhan kerana diberi juga taufik dan hidayah ke arah keselamatan kepada kewangan negara kita. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan, rakan-rakan yang lain turut mengalu-alukan dan menyokong Rang Undang-undang ini ditubuhkan kerana ianya sangat tepat dan bersesuaian dengan keadaan masanya pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kumpulan Wang Amanah Negara ini akan ditubuhkan tak berapa lama lagi maka saya fikir tentulah kita belum mengetahui apa-apa masalah yang berbangkit dan kesulitan-kesulitan yang timbul serta lain-lain lagi. Oleh itu, saya berharap supaya badan yang mentadbirkan Kumpulan Wang Amanah Negara ini hendaklah betul-betul mengikut garispanduannya jangan menyeleweng daripada tujuan asalnya.

Apa yang penting, Tuan Yang di-Pertua, jangan ada kuasa-kuasa tertentu atau kuasa-kuasa lain menggunakan wang ini atau, dengan lebih tepat lagi Kumpulan Wang Amanah Negara ini digunakan pula oleh syarikat-syarikat lain atau badan-badan lain demi faedah untuk badan atau korapani itu sendiri. Ini hendaklah dijaga dan diambil perhatian berat, Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau ini berlaku maka badan ini akan mengalami seperti apa yang berlaku dalam BMF kita dan syarikat-syarikat yang lain juga. Kalaulah berlaku penyelewengan

ini maka saya rasa hancurlah harapan negara dan rakyat dan saya kira tidak ada tabung lagi untuk kita mendapatkan bantuan. Tetap sebaliknya jika Kerajaan kita dapat mengawasi dan meujaga dengan teliti maka inilah satu-satunya tabung amanah negara yang akan menjadi payung dan tempat Kerajaan kita merujuk untuk memperolehi wang di masa-masa Kerajaan kita memerlukannya. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kita dan berdoa kepada Tuhan semoga Tabung Kumpulan Wang Amanah Negara ini diredai Allah dan diberkatinya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tabung Kumpulan Wang Amanah Negara ini sangat baik kepada negara kita Persekutuan Malaysia ini, walaupun ianya belum berjalan, tetapi adalah menjadi teladan kepada negeri-negeri lain yang ada dalam negara kita Malaysia ini.

Saya juga suka menyarankan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. dalam Malaysia ini. supaya cuba pula menubuhkan Tabung Kumpulan Wang Amanah Negaranya sendiri seperti yang dibuat oleh Kerajaan Pusat ini. Walaupun masa sekarang Kerajaan-kerajaan Negeri kita bolehlah dikatakan tidak mendatangkan beberapa masalah sangat berhubung dengan kewangannya, tetapi. saya kira sangat baik jika Kerajaan-kerajaan Negeri kita mengikut contoh teladan Kerajaan Pusat ini menubuhkan Tabung Kumpulan Wang Amanahnya sendiri. Jadi. Ini tentu-lah bertambah keselesaan dan baik jika kedua-dua Kerajaan, yakni Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negaranya masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh Fasal 5 yang bertujuan wang-wang yang dikehendaki dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu. Di sini kita dapat 6 jenis sumber kewangan yang akan di perolehi bukan sahaja di Kumpulan Wang Yang Disatukan dan juga sumbangan daripada petroleum, tetapi juga kita akan dapat daripada lain punca untuk mengisi tabung kewangan itu. Di sini saya suka menyentuh Fasal 5(f) iaitu sumbangan daripada mana-mana orang atau pihak berkuasa termasuklah daripada pihak perniagaan dan sebagainya. Sebagai menggalakkan rakyat negara kita menyumbang ke dalam Tabung Wang Amanah Negara ini maka saya berharap kepada Kerajaan supaya metnberi perhatian kepada mereka yang menyumbang itu sama ada barangkali untuk melepaskan cukai. pendapatannya atau mengeluarkan hadiah dan sebagainya yang mana pihak Jawatankuasa ini bolehlah mencadangkan sesuatu yang baik kepada pihak-pihak yang memberi sumbangan itu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 6 ini bersabit dengan penggunaan wang daripada Kumpulan Wang ini, inilah yang perlu diawasi dan dijaga pengeluarannya supaya wang itu dapat dikeluarkan mengikut salurannya yang betul dan tidak menyeleweng daripada tujuan asalnya supaya tabung ini berkekalan dan kewangannya teguh, tidak menjadi tali gasing sebagaimana kata orang tua-tua kita dan biarlah ia semakin besar walaupun wang itu kita gunakan pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

### **3.42 ptg.**

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membuat petuntukan mengenai pengurusan kumpulan wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

Saya ingin mengucapkan syabas di atas usaha Menteri Kewangan merancang sesuatu sebagai persediaan sebelum sesuatu yang buruk dapat berlaku seperti kata pepatah orang Melayu menyediakan payung sebelum hujan turun, tak guna kita cari payung kalau sudah basah kuyup. Saya yakin Ahli-ahli Dewan semua sedia maklum bahawa bukit sekalipun kalau kita cangkul akan rata, begitu juga dengan barangan komoditi kita yang menjadi sumber kekayaan negara akan pupus dan hapus satu hari nanti. Dari itu, usaha-usaha untuk menyiapkan negara bagi menghadapi zaman ketandusan barang-barang komoditi ini nanti adalah satu usaha yang sangat bijak.

Tuan Yang di-Pertua, merancang sesuatu memang senang tetapi melaksanakan sesuatu perancangan itu perlu perhatian, pengetahuan,

amanah dan banyak lagi kriterianya. Kita banyak mendengar rancangan yang dilakukan secara tergesa-gesa tanpa perancangan yang baik akan menimbulkan berbagai masalah dan akhirnya menemui kegagalan. Dari itu, saya berharap setiap liku hendaklah di kaji agar pelaksanaannya tidak mengalami kebuntuan.

Tuan Yang di -Pertua, Kumpulan Wang Amanah Negara ini melibatkan kewangan yang diamanahkan oleh rakyat. Bila kita berurusan dengan jumlah wang yang banyak kita perlu berhati-hati, iaitu langkah-langkah yang tegas dan positif perlu diatur agar tidak berlaku penyelewengan seperti yang selalu kita dengar harapkan pagar, pagar makan padi dan kita tidak mahu sejarah berulang dengan Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan yang di amanahkan untuk melantik Panel Kumpulan Wang Amanah Negara ini hendaklah berhati-hati semasa membuat pemilihan panel di atas sebelum mengamanahkan pengurusan institusi atau tabung ini, kepada mereka, takut-takut nanti terpilih haruan makan anak. Kita sangat-sangat berharap tabung ini akan berjaya dan terjauh dari sebarang cela dan menjadi satu kejayaan bagi faedah rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mentert Kewangan hendaklah mengkaji semua aspek sebelum melabur atau memberi pinjaman dengan wang amanah rakyat ini. Perancangan yang teratur dan sempurna hendaklah dilakukan dengan penuh amanah kerana salah langkah atau kecuaiian dalam mengendalikan tanggungjawab akan mengakibatkan lesapnya wang rakyat ini. Kita mahu tabung ini berfungsi dengan betul dan tidak menguntungkan satu pihak sahaja. Saya yakin dengan pengawasan yang teliti dari semua pihak, khasnya dari pihak Bank Negara, tabung

ini, insya Allah, akan menjadi kebanggaan kita semua dan berfaedah bagi rakyat dan negara.

Dengan kata-kata **itu**, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan Terima kasih,

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mazidah.

**3.46 ptg.**

**Puan Mazidah Haji. Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam, **iaitu** suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan kumpulan wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta dengan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah berusaha untuk menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara ini yang pada pendapat saya penubuhannya bukan sahaja tepat pada masanya malahan sepatutnya sudah ditubuhkan lebih lama dahulu lagi, bukan sahaja dari hasil-hasil yang kita perolehi dengan pengeksplotasian petroleum di negara ini, malahan dari hasil-hasil seperti royalti dan sebagainya yang diperolehi daripada usaha-usaha pengeksplotasian bahan-bahan sumber merosot yang didapati di negara ini.

Saya bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid Haji Abdullah semalam yang membahaskan Akta ini yang mengatakan kita telah membuat kesilapan dengan pengeksplotasian bijih timah umpamanya yang pada satu masa dahulu memainkan peranan yang begitu penting sekali di dalam ekonomi kita. Kita mungkin pada ketika itu tidak mempunyai 'vision', dengan izin, tentang masa akan datang dan apa akibat-akibat yang akan berlaku



kepada generasi-generasi yang akan datang apabila bijih timah, satu sumber yang merosot tidak dapat menjamin ekonomi. negara seperti yang dapat kita alami pada ketika ini. Mujurlah ada sumber gantian seperti petroleum yang kita eksploitasi sekarang dan begitu juga ketnungkinan penemuan-penemuan sumber-sumber lain yang boleh kita eksploitasi sebagai hasil untuk negara kita ini.

Jadi atas sebab-sebab inilah kita harus mempunyai pandangan jauh dari segi masa hadapan kita, terutama sekali dalam usaha-usaha pengeksploitasian bahan-bahan ataupun sumber-sumber merosot yang bukan sahaja terdiri daripada petroleum ini tetapi juga termasuk dengan bahan-bahan seperti balak, logam yang berharga dan lain-lain lagi. Dengan sebab itu penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara ini patut disokong oleh setiap kita yang benar-benar bertanggungjawab dan mahu melihatkan masa hadapan yang terjamin bagi generasi-generasi akan datang dan juga bagi negara kita.

Mengenai Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian tentang dua bahagian yang dimasukkan di dalam Akta ini. Yang pertamanya ialah Fasal 5, iaitu mengenai sumber-sumber kewangan yang akan dimasukkan di dalam Kumpulan Wang Amanah Negara ini nanti.

Ada enam sumber-sumber yang telah dinyatakan disini dan saya merasakan sama ada pihak Kerajaan dapat juga menimbangkan satu sumber lain yang boleh juga dijadikan satu sumber untuk menambah kepada pencaruman Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Apa yang saya maksudkan ialah adakah mungkin wang-wang yang dirampas daripada sereka yang sabit kesalahannya dalara kes-kes penyalahgunaan dadah, umapamanya para pengedar dadah yang telah mengumpulkan harta yang begitu banyak sekali. Apabila telah sabit kesalahannya mungkin atau tidak kumpulan, wang daripada mereka itu juga yang dirampas oleh Kerajaan, kalau saya tidak silap, ada ura-ura untuk ini dilakukan, dan sama ada sumber itu juga boleh dijadikan sebagai satu sumber untuk menokok tambah kepada pencaruman Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Perkara yang kedua yang menarik perhatian saya ialah mengenai pelaburan yang oleh dilakukan daripada Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Saya tertarik hati dengan Fasal 7(I)(g) yang menyatakan:

7. (1) Panel boleh melaburkan wang yang ada dalam kredit

Kumpulan Wang -

(g) dalam pendahuluan-pendahuluan bagi maksud membantu pencarigalian dan pemajuan mineral-mineral dan penanaman, pemprosesan atau pemasaran apa-apa keluaran utama kepada -

(i) mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Persekutuan; dan

(ii) mana-mana koperasi yang melibatkan diri dalam kerja perlombongan, perladangan, pertanian, perkebunan atau perikanan;

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, sementara kita menggalakkan pelaburan dengan menggunakan Kumpulan Wang Amanah Negara ini bagi tujuan-tujuan yang telah disebutkan itu tadi, ada satu perkara yang harus juga diambil perhatian oleh pihak Kerajaan iaitu selain daripada usaha-usaha memberikan wang pendahuluan dalam usaha-usaha pelaburan yang disebutkan tadi, pihak Kerajaan harus juga mempertimbangkan soal pembiayaan kerja-kerja Pembangunan dan Penyelidikan, terutama sekali dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan sumber-sumber merosot ini. Maksud saya pembiayaan Pembangunan dan Penyelidikan ini atau dengan Izin, Research and Development (R & D) adalah amat penting, terutama sekali jika kita lihat dari segi sumber-sumber yang merosot ini sendiri.

Saya merasa begitu gembira apabila membaca pada hari ini bahawa pihak Kerajaan akan menambahkan \$90 juta yang akan diagih-agihkan kepada institusi-institusi pelajaran tinggi dan lain-lain lagi di negara ini bagi usaha-usaha penyelidikan yang menyentuh, terutama sekali bahan-bahan mentah kita, bahan-bahan sumber asli yang ada di negara ini. Dan oleh kerana memandangkan daripada data yang ada bahawa bagi negara kita ini, kita hanya membelanjakan kurang dari 1% daripada Keluaran Kasar Negara (KNK) kita untuk tujuan-tujuan Pembangunan dan Penyelidikan, walhal bagi negara-negara lain lebih daripada 2% KNK digunakan untuk tujuan-tujuan ini. Maka dengan sendirinya bererti negara ini agak kebelakangan dalam usaha-usaha Penyelidikan dan Pembangunan ini.

Oleh kerana itu, saya berpendapat mungkin ada baiknya bagi pihak Kementerian Kewangan ataupun pihak Kerajaan mempertimbangkan juga penggunaan wang daripada Kumpulan Wang Amanah Negara ini untuk tujuan-tujuan Penyelidikan dan Pembangunan, terutama sekali dengan

perkara-perkara yang berkaitan dengan sumber-sumber asli yang merosot seperti mana yang kita dapati di negara ini.

Saya sebenarnya merasakan mungkin dari segi Penyelidikan dan Pembangunan dalam sumber-sumber yang berkaitan dengan petroleum, pihak PETRONAS sudahpun mempunyai peruntukan yang cukup untuk mengadakan penyelidikan ini. Tetapi seperti kita sedia maklum, mungkin bagi bahan-bahan asli yang lain seperti kayu balak, kelapasawit dan lain-lain, walaupun mereka mempunyai peruntukan-peruntukan yang tertentu bagi tujuan-tujuan Penyelidikan dan Pembangunan ini, tetapi malangnya peruntukan yang diberikan itu mungkin tidak memadai ataupun tidak mencukupi untuk sesuatu penyelidikan yang mandatkan hasil-hasil yang positif dapat dilakukan. Umpamanya, dalam bidang pembalakan sendiri, kita mempunyai pusat penyelidikan perhutanan seperti di Kepong dan sebagainya yang mungkin dapat dipertingkatkan usaha-usaha penyelidikannya dengan adanya wang-wang ataupun peruntukan yang lebih dalam bidang ini. Bukan sahaja dari segi menentukan bekalan balak kita tidak akan pupus dengan begitu sahaja, tetapi mungkin dengan penyelidikan-penyeitdikan ini sda penetnuaa-penemuan baru ysng boleh diperolehi bagi memastikan, kalau tidak pun pengekalan bahan-bahan itu sendiri, tetapi mungkin juga dicari alternatif ataupun gantian daripada bahan-bahan itu.

Begitu juga dengan penyelidikan yang dijalankan oleh PORIM dalam bidang kelapasawit. Kita sedia maklum bahawa suatu hari nanti petroleum mungkin akan habis dan mungkin dengan penyelidikan-penyelidikan yang mendapat pembiayaan yang memuaskan ini dapat pula mencari bahan-bahan ganti kepada disel umpamanya dan juga bahan-

bahan yang ada kaitannya dengan pengeluaran petroleum itu sendiri. Demikian juga dalam bidaug pertanian umpamanya, perladangan, perkebunan dan perikanan. Wang-wang daripada Kumpulan Wang Amanah Negara ini mungkin juga dapat digunakan bagi usaha-usaha penyelidikan dalam bidang bio-technology umpamanya yang dapat diusahakan bukan sahaja dari segi mempertingkatkan pengeluarannya, tetapi juga memperbaiki mutu-mutu pengeluaran itu tadi supaya suatu masa nanti jangan lagi kita hairan mengapa buah-buahan daripada Siam lebih sedap daripada buah-buahan daripada Malaysia umpamanya dan juga mengapa kubis-kubis dan sayuran keluaran daripada Indonesia lebih laris daripada apa yang dapat kita keluarkan di negara kita.

Jadi pada pendapat saya, kalaulah dapat dipertimbangkan sebahagian daripada wang yang terkumpul di dalam Kumpulan Wang Amanah Negara ini diperuntukkan untuk Penyelidikan dan Pembangunan ataupun R & D ini, saya rasa tujuan kita menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara Ini akan memberi kesan yang lebih positif dan lebih menghasilkan pulangan yang lebih bermakna, bukan sahaja kepada generasi kita, tetapi juga untuk pada masa yang akan datang.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin sentuh ialah mengenai kemungkinan negeri-negeri di seluruh negara ini juga menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara masing-masing. Kalau tidak salah, umpamanya negeri Trengganu sudahpun mengadakan Tabung Warisan dan sebagainya yang bertujuan lebih kurang sama juga dengan Kumpulan Wang ini. Jadi, sehubungan dengan ini kita harus juga menggalakkan dan memberikan tahniah kepada negeri-negeri yang mempunyai sumber-sumber merosot ini yang dapat mengasingkan sebahagian daripada royalti ataupun apa juga hasil yang dipungut daripada pengeksplot-

asian sumber-sumber merosot daripada negeri masing-masing untuk menubuhkan Tabung amanahnya sendiri. Kita patut juga rnengambil kira dari segi sama ada boleh dilakukan penyelarasan bagi pihak Kerajaan pusat dengan pihak-pihak Negeri ini dari segi penggunaan wang-wang yang terkumpul bagi Kumpulan Wang Amanah Negara dan juga Wang Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di negeri masing-masing.

Ini ialah kerana kita sedia maklum wang ataupun peruntukan ini bukanlah satu perkara yang senang-senang sahaja kita dapat. Kita perlu mengumpulnya dengan usaha-usaha yang gigih dan sebagainya dan oleh kerana itu dari segi pentadbirannya, penggunaannya dan sebagainya seharusnya kita lakukan dengan sebaik yang mungkin. Jadi, pada pendapat saya perlu ada penyelarasan dari segi apa yang dilakukan di pihak Persekutuan dengan di pihak Negeri-negeri ini semata-mata dari segi kita mengelakkan berlakunya tindih-tindan dari segi penggunaan dan dari segi kegiatan-kegiatan yang dilakukan melalui penggunaan wang-wang Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** [Bangun]

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** [Bangun]

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tan Sri tak pandang ke sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pandang atau tidak, itu atas saya bukan for you to say. Kalau mahu ikut kepada aturan, apa aturan yang kita mahu bangun tadi? Sila Yang Berhormat.

**4.01 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sepertimana rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat yang lain turut sama membahaskan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara, 1987.

Untuk menubuhkan Kumpulan Wang Amanah ini buat permulaannya Kerajaan akan memperuntukkan wang sebanyak \$100 juta. Tujuan Kumpulan Wang Amanah ini ditubuhkan ialah bagi kepentingan kukuh ekonomi negara dan kepentingan generasi yang akan datang. Saya sebagaimana rakan-rakan saya yang lain ingin menyampaikan setinggi-

tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan terutama sekali Kementerian Kewangan di atas kesedaran dan pemikiran yang waras dan bertanggungjawab bagi menjaga kepentingan negara dan generasi yang akan datang telah dapat memikirkan dan mencari jalan cara-cara bagaimana hendak memperkukuhkan ekonomi negara dan di samping itu dapat pula memikirkan dan merancang apakah peninggalan kita kepada generasi akan datang supaya setidak-tidaknya mereka juga dapat mengecap dan menikmati apa yang kita perolehi pada masa sekarang dan kalau boleh biarlah generasi yang akan datang hidup mereka akan lebih baik lagi. Itulah harapan kita semua dan itulah juga harapan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana pemimpin kita telah diberi petunjuk bahawa negara kita tidak boleh bergantung buat selama-lamanya kepada hasil minyak dan hasil bijih timah untuk menentukan kekuatan ekonomi negara di masa akan datang kerana minyak dan bijih timah akan habis pada satu ketika apabila sampai masanya kelak. Dengan kesedaran inilah maka Kerajaan telah merancang berbagai-bagai rancangan dan sentiasa berhati-hati supaya ekonomi negara bertambah kukuh dari semasa ke semasa supaya kita tidak terperangkap dengan kehabisan hasil minyak dari hasil bijih timah dan tidak terperangkap pula dengan kejatuhan harga minyak kelapa sawit, getah dan koko yang tidak menentu turun naik harganya kerana pergolakan dan saingan ekonomi dunia yang sentiasa menjaga kepentingan pengeluaran negara masing-masing untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi negara mereka yang boleh raenjeaskan harga barangan utama kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika dahulu kita merasa cemas disebabkan harga getah jatuh kerana dengan adanya teknologi baru mereka telah dapat membuat getah tiruan yang bersaing hebat dengan



getah asli dan sekarang ini kita juga berasa bimbang dengan kempen memburukkan minyak kelapa sawit oleh pengeluar-pengeluar minyak kacang soya di Amerika. Kita bimbang kalau kempen mereka ini berjaya dan mereka dapat mempengaruhi dunia luar supaya tidak membeli minyak sawit kita. Kalau ini berlaku, sudah pasti akibatnya harga minyak sawit akan jatuh. Apabila harga minyak sawit jatuh, bukan sahaja Kerajaan akan mengalami kerugian, tetapi rakyat juga akan -menanggung bebanannya, lebih-lebih lagi peneroka FELDA sendiri. Jika Kerajaan berjaga-jaga dan bersedia sebelum terlambat adalah disanjung tinggi dan seharusnya mendapat sokongan daripada segenap lapisan masyarakat dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mengalu-alukan cadangan yang amat baik ini. tetapi Kerajaan juga haruslah berhati-hati dalam menadbirkan wang amanah ini walaupun Kerajaan telah memberi jaminan kepada kita bahawa wang amanah ini akan diuruskan oleh Bank Negara, akan diaudit oleh Akauntan Negara dan Penyata Kewangannya akan dibentangkan di dalam Parlimen pada tiap-tiap tahun. Namun begitu Kerajaan harus ingat bahawa sibajak pandai yang pandai dan pintar menyembunyikan kecurangan yang mereka lakukan bagi kepentingan diri sendiri atau kepentingan saudara mereka sehingga kecurangan mereka tidak dapat dikesan disebabkan kepintaran mereka menipu. Rakyat tidak mahu dan tidak rela apa yang berlaku kepada BMF akan berlaku pula kepada Kumpulan Wang Amanah Negara yang akan ditubuhkan nanti. Biarlah penyelewengan yang berlaku kepada BMF itu menjadi sejarah dan menjadi teladan kepada kita dan generasi yang akan datang. Kita juga tidak mahu dengar di belakang hari nanti bahawa pelaburan yang akan diuruskan oleh Tabung Amanah ini akan menguntungkan kepada orang-orang tertentu sahaja. Apa yang kita mahu ialah pelaburan

yang akan dijalankan oleh Tabung Amanah ini adalah benar-benar bagi, kepentingan negara dan generasi yang akan datang dan pengurusannya hendaklah berorientasikan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu satu jaminan dan kepastian daripada pihak Kerajaan bahawa Kumpulan Wang Amanah ini tidak akan disalahgunakan oleh mana-mana pihak bagi kepentingan golongan tertentu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu dan benar-benar betharap kepada mereka yang akan diberi amanah untuk menguruskan perjalanan Kumpulan Wang Amanah ini supaya mereka benar-benar memegang amanah Allah kepada mereka untuk menjaga kepentingan negara dan rakyat, dan bukanlah untuk kepentingan peribadi. atau orang yang tertentu. Ingatlah bahawasanya kita akan mati dan kita akan disoal atas perluatan kita di dunia ini, yang baik akan dibalas baik dan yang jahat akan dibalas jahat. Dan ingatlah bahawasanya apa yang kita lakukan sama ada secara terang atau gelap, Allah amat mengetahui dan ingatlah bahawa siksa Allah amat pedih.

**Tuan Yang di-Pertua:** sekian, terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak.

#### **4.09 ptg.**

**Tuan Mohd Wajdi bin Dato' Haji Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong satu Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam di mana Rang Undang-undang tersebut telah diberi nama suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan dan juga Kementerian Kewangan kerana telah dapat bertindak segera untuk memastikan bahawa kedudukan kewangan negara masa depan generasi. kita dapat sedikit sebanyak dirancang, disusun semasa hasil hasil dan sumber-sumber utama keluaran negara masih belum kehabisan. Matlamat dan hasrat pihak Kerajaan untuk memastikan dan menjamin kedudukan kewangan negara akan sentiasa berada di satu tahap yang tinggi adalah merupakan satu usaha dan tindakan yang patut dipuji selaras dengan pepatah atau bidalan Melayu "Beringat-ingat sebelum habis, berjimat sebelum papa".

Dengan pengwujudan Akta ini maka ianya akan membolehkan pihak Kerajaan mendapatkan sumber-sumber kewangan, terutamanya daripada Petroleum Nasional Bhd. yang mana telah di fahamkan sebanyak \$100 juta setahun akan di jadikan asas kepada Kumpulan wang Amanah Negara yang mana ianya akan ditadbir serta diuruskan oleh satu panel dengan Bank Negara dipertanggungjawabkan di atas pentadbiran dan pengurusan harian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita bersama-sama menyokong Akta ini maka beberapa perkara mesti sama-sama kita berikan perhatian agar apa yang dirancangkan, agar apa yang diaturkan dan apa yang menjadi matlamat dan hasrat kepada pihak Kerajaan akan tercapai dan telaksana dengan sempurnanya. Kita mahu tujuan dan matlamat pengwujudan Akta ini tidak akan di.pergunakan atau dipersia-siakan oleh mereka yang tidak mahu menghormati hasrat dan matlamat pihak Kerajaan.

Kita telah difahamkan bahawa para pemegang amanah akan dipilih dan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang akan terdiri daripada pegawai-pegawai tadbir serta mereka yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan. Saya menyokong penuh akan cadangan penubuhan dan perlantikan ahli-ahli panel yang dicadangkan itu. Tetapi apa yang membimbangkan saya, sejauh manakah panel yang tersebut: itu dapat berfungsi dalam menjalankan amanah yang maha besar yang telah diserahkan. Kita sebagai manusia biasa tidak dapat melarikan diri daripada melakukan kesilapan dan sehubungan dengan ini. Saya suka menyarankan supaya satu keanggotaan panel ini perlu diperluaskan supaya setiap perbincangan dan perbahasan mengenai pengurusan akan mendapat pandangan-pandangan yang lebib, meluas lagi.

Yang kedua, perlantikan Pengerusi panel ini perlulah datangnya daripada orang-orang politik yang melambangkan apa juga keputusan dan bentuk tindakan panel ini adalah selaras dengan hasrat dan cita-cita pihak Kerajaan. Biarlah ianya mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang ada kaitan dengan tanggungjawab yang telah diserahkan kepadanya.

Ketiganya, kalau boleh keanggotaan ahli panel ini perlu diberi kepada seorang ulama sebagai tambahan, kerana ini adalah dirasakan sangat-sangat diperlukan bagi menentukan amanah dan tanggungjawab seperti mana yang telah disarankan oleh rakan saya Yang Berhormat sebentar tadi supaya amanah yang telah diserahkan itu akan betul-betul dapat dilaksanakan mengikut akidah-akidah Islam dan selaras pula dengan hasrat dan matlamat pengwujudan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua mengenai masalah pelaburan Wang Amanah Negara ke dalam beberapa pelaburan di dalam dan di luar negeri seperti yang telah dinyatakan dalam Fasal 7(1), kita memahami dan mengerti di sebalik tujuan dan hasrat kita untuk mendapat keuntungan dari hasil pelaburan-pelaburan yang dicadangkan itu. Maka kita juga mengalami akan kemungkinan-kemungkinan kerugian dari hasil pelaburan yang tersebut itu, sekurang-kurangnya, sebagai contoh nilai ringgit yang dilaburkan itu tidak akan sama apabila sampai masa dan ketikanya. Dengan harapan agar pihak Kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan ahli-ahli panel akan sentiasa dapat memberikan perhatian dan penelitian yang halus dalam hal ini agar setiap pelaburan yang dibuat ataupun setiap pinjaman yang diberikan sama ada kepada Kerajaan Persekutuan sendiri, atau negeri atau mana-mana perbadanan awam yang Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan tidak akan

merugikan dan tidak akan menjejaskan Kumpulanwang Tabung Amanah Negara **ini**, terutamanya ialah dalam menghadapi resiko.

Sabagaimana yang telah dinyatakan dalam Fasal 7(1)(g) dalam memberipendahuluan-pendahuluanuntukmaksudmembantucarigali.dan persetujuan mineral-mineral dan kalau boleh biarlah pendahuluan dalam bantu ini dikurangkan daripada yang lain-lain. Di samping itu juga saya suka menyarankan bahawa pelabur-pelabur Wang Amanah Negara di luar negeri **ini** kalau boleh perlukan dielakkan, Walaupun ianya merupakan satu perkara yang sangat baik kerana pelaburan di dalam negeri adalah lebih baik, kerana kita tahu apa yang kita hendak buat tetapi kalau di luar negeri, maklum sahajalah walaupun ia dijamin oleh Kerajaan di negara yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan agar segala hasrat serta maksud, segala mauduk yang dibawa oleh Akta ini akan tercapai, maka sekali lagi dengan penuh harapan, saya menyarankan supaya pemilihan ahli-ahli penal nanti akan diserahkan kepada mereka atau orang-orang yang berkeahlian, berkebolehan serta bersesuaian pula dengan kemahiran dan pengetahuannya. Ini adalah penting bagi memastikan supaya amanah dan urusan yang dipertanggungjawabkan kepadanya itu akan berjalan dengan teratur dan baik. Maka dengan harapan itu, saya dengan ini menyokong penuh Akta untuk mewujudkan Kumpulanwang Amanah Negara. Sekian.

**4.16 ptg.**

**Dato'Tan Peng Khoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan pada hari semalam iaitu Rang Undang-undang bagi menubuhkan Kumpulanwang Amanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menarik perhatian Dewan

yang mulia ini terhadap beberapa perkara yang saya fikir patut ditimbang dan dikaji dengan lebih halus. Pada prinsipnya, Rang Undang-undang ini patut disokong oleh semua Ahli Dewan Negara ini. kerana tujuan dan maksud bagi Rang Undang-undang ini memang bagus dan patut dipuji. Hanya apa yang saya kawatir dalam perkara ini ialah kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri Kewangan amat luas dalam Rang Undang-undang ini. Padahal wang amanah yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang ini, selepas 10 tahun, saya berpendapat iaitu jumlah wangnya adalah satu jumlah yang amat besar sekali. Oleh yang demikian, kalau kuasa-kuasa begitu luas diserahkan kepada seorang Menteri sahaja, sebagaimana kita semua sedia maklum, sebagai manusia biasa, kita tidak sunyi daripada melakukan kesilapan-kesilapan. Dari itu, saya harap ayat-ayat yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini yang dikatakan, "kuasa-kuasa ini. diberi kepada Menteri Kewangan" pada sebenarnya bukanlah cuma hanya Menteri Kewangan seorang sahaja yang memberikan segala keputusan tetapi pandangan-pandangan daripada rakan-rakan Menteri atau Jemaah Menteri akan diperolehi juga sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh Menteri yang berkenaan.

Di samping itu untuk mentadbirkan wang amanah itu sebagaimana yang saya katakan selepas sepuluh tahun kemudian jumlah wang ini amat besar, maka panel yang akan dilantik oleh Menteri ini hanya berjumlah lima orang sahaja yang terdiri daripada seorang Pengerusi, sekarang. Timbalan Pengerusi, seorang pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri dan dua orang anggota yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan dan kewangan.

Pada pandangan dan pendapat saya panel ini adalah terlampau kecil untuk mentadbirkan wang amanah ini dan saya harap perlantikan panel ini, Menteri yang berkenaan akan mendapat pandangan dan juga, dengan izin, recommendation daripada lain-lain Menteri supaya mereka yang dilantik dalam panel ini adalah sebenar-benarnya datang daripada mereka yang bukan sahaja mempunyai pengalaman dalam perniagaan atau kewangan, tetapi mereka yang mempunyai amanah dan integriti, yang mempunyai kebolehan untuk mentadbirkan wang yang begitu besar yang diamanahkan kepada panel ini. Oleh yang demikian, saya berpendapat iaitu patut panel ini diperluaskan lagi sehingga tujuh atau sembilan orang dan kalau Menteri Kewangan telah diberi begitu besar kuasa, saya fikir tak payah lagi Timbalan Pengerusi hendaklah merupakan seorang pegawai Kementerian Kewangan kerana segala kuasa-kuasa telah dalam kuasa Menteri Kewangan maka Timbalan Pengerusinya datang daripada Kementerian Kewangan yang sentiasa menerima arahan daripada Menteri yang berkenaan. Saya fikir patut Timbalan Pengerusi itu datang daripada lain Kementerian yang mempunyai sedikit sebanyak berkaitan dengan wang amanah yang kita tubuhkan ini.



Ini sahaja perkara-perkara yang ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan berharap supaya pada masa hendak menguatkuasakan Rang Undang-undang ini perkara-perkara yang telah saya timbulkan ini akan dapat dikaji dengan lebih teliti dan dihalusi. Maksud kita tidak lain dan tidak bukan hanya ingin menengok supaya wang amanah ini dapat digunakan dengan sebenar-benarnya dan memberi faedah yang sepenuh-penuhnya terhadap negara kita.

Saya cuma memberi sedikit pandangan ini dan saya sudahkan dengan sekali lagi memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang ini dan diucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:**Sila Yang Berhormat.

**4.25 ptg.**

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bersama dengan rakan-rakan untuk membicarakan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara ini,

Sebelum saya memperkatakan sesuatu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan dan Timbalannya yang telah berucap membentangkan Akta ini di kedua-dua Dewan.

Saya menyokong penuh Kumpulan Wang Amanah Negara ini, tetapi - ada tetapinya, bak kata pepatah Melayu sudah terantuk baru tengadah, Walaupun demikian, kita tidak terlambat untuk menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Jika sekiranya ilham ini dapat kepada Kementerian Kewangan kita pada tempoh masa negara kita sedang mewah tentulah pada masa sekarang ini telah banyak wang yang terkumpul. Ini sehingga 10 tahun kita hendak mengumpul beberapa banyak wang yang diharapkan daripada beberapa sumber sepertimana yang ada di dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperkatakan beberapa perkara iaitu Kumpulan Wang Amanah ini tidaklah sepatutnya ditadbirkan oleh

5 orang. Saya menyokong penuh terhadap pandangan Yang Berhormat yang baru bercakap tadi yang mana penuh kuasanya di dalam Bil ini, kalau kita perhatikan daripada satu sampai akhir, penuh kuasa kepada Kementerian Kewangan sahaja dan 5 orang ahli panel. Tidak seimbang dengan namanya Kumpulan Wang Amanah, Negara. Jadi, saya rasa sepatutnya kita besarkan.

Begitu juga kalau sudah Menteri Kewangan yang berkuasa, Naib Pengerusi tidaklah payah daripada Kementerian Kewangan, hendaklah ada beberapa orang Menteri daripada Kementerian lain sama untuk membincang, membuat sesuatu keputusan di atas perkara-perkara wang ini kerana ini adalah wang amanah negara iaitu wang rakyat untuk masa depan mereka. Kalau kita silap jalan, kita akan terjerumus lagi sekali.

Satu lagi dalam Akta ini juga telah siap menyatakan peruntukan-peruntukan kepada ahli-ahli panel. Elaunnya berapa dan sebagainya sudah cukup. Tetapi kalau kita lihat Naib Pengerusinya daripada Kementerian Kewangan, seorang daripada Jabatan Perdana Menteri, apa gunanya diusik orang ini sebab di sini menyatakan wang ini adalah digunakan juga untuk elaun-elaun pegawai-pegawai ini. Jadi, kita ambil daripada Kementerian. Kalau dia daripada Kementerian Kewangan, ambil daripada Kementerian Kewangan kalau dia daripada Jabatan Perdana Menteri, ambil daripada Jabatan Perdana Menteri supaya tidak akan tirabul masalah pada masa akan datang.

Dalam Akta ini, dalam perkara wang yang akan dimasukkan ke dalam tabung ini, Yang Berhormat rakan saya tadi telah menyatakan satu daripadanya hendaklah wang rampasan daripada pengedar dadah itu hendaklah dimasukkan.

Saya mencadangkan satu lagi. Pada beberapa tempoh yang lalu kita telah membincangkan di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu ada wang yang tidak diambil oleh orang yang punya. Umpamanya, didalam KWSP yang telah begitu lama, berpuluh-puluh tahun. Jadi kita buat satu had masa, kalau dia tidak ambil, tidak ada orang yang menuntut wang ini, wang ini juga dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang ini. Jadi, saya rasa oleh kerana telah banyak rakan-rakan yang bercakap dalam perkara ini, dengan nada yang sama, dengan bahan-bahan yang sama, jadi saya tidak akan mengambil masa yang panjang.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Sekali lagi saya sukan menekankan babawasanya, tidaklah sepatutnya sepenuh kuasa itu diberi kepada Menteri Kewangan sahaja. Beberapa orang Ahli Panel hendaklah ditambah dan hendaklah ada wakil beberapa Kementeeian menjadi ahli untuk membincangkan atau membuat satu keputusan, sebabnya kita tidak mahu rumah sudah pahat berbunyi. Kita telah banyak mengalami pengalaman yang pahit berkaitan dengan wang pada tempoh yang telah lalu. Jadi, sepatutnya kita mestilah berjaga-jaga dan berhati-hati kerana Kumpulan Wang Amanah ini, amanah ini sangat berat, Kalau kita ambil sambil lewa sahaja, maka beratlah tanggungan kepada yang tertentu yang diamanahkan itu. Dengan ini saya menyokong penuh Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1987 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Cik Norani.

**4.32 ptg.**

**Cik Norani binti Haji Beluah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan untuk membahaskan satu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara 1987.

Seperti rakan-rakan saya yang lain, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana mempunyai kesedaran untuk mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Negara. Saya merasakan bahawa kesedaran daripada pihak Kerajaan ini belumlah tertambat, walaupun dalam keadaan ekonomi kita merosot sekarang. Saya ucapkan svabas bahawa kita berkeyakinan telah menyediakan payung sebelum hujan.

Tuan Yang di-Pertua, di atas usaha-usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan bagi menentukan masa depan negara dan juga masa depan generasi muda kita pada masa akan datang, bagi menentukan mereka ini hidup dalam keadaan selesa ataupun lebih selesa daripada kita yang ada sekarang ini amatlah saya banggakan dan kita harapkan hasrat dan matlamat wujudnya Kumpvlan Wang Amanah Negara ini akan dapat memenuhi kehendak-kehendak yang diperlukan oleh negara dan rakyat.

Saya ingin menyentuh iaitu Fasal 4, iaitu melantik ahli-ahli panel bagi Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Saya sependapat dengan Ahli-ahli yang lain iaitu sebagai satu Kumpulan Wang yang besar yang mentadbirkan kedudukan kewangan, saya rasa cuma 5 orang sahaja ahli Panel tidaklah begitu memadai. Kalau boleh Ahli-ahli Panel ini hendaklah ditambah dan dimasukkan wakil Kementerian-kementerian yang lain yang berkebolehan untuk memberi pandangan dan juga dalam segi mewujudkan supaya Kumpulan Kewangan ini berjalan dengan baik dan memuaskan hati, Kuasa yang diberi kepada Kementerian Kewangan untuk melantik ahli-ahli Panel, saya berharap dan saya penuh yakin dan percaya bahawa kuasa yang diberi kepada Menteri ini akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya, iaitu hendaklah melantik Ahli Panel yang benar-benar jujur, ikhlas dan amanah dalam mengusahakan atau mentadbirkan perjalanan Kumpulan ini, kerana kita tidak mahu

jalanan Kumpulan ini, kerana kita tidak mahu perkara-perkara yang tidak kita ingini atau penyelewengan berlaku di dalam Kumpulan Wang yang amat besar ini. Jika penyelewengan berlaku, saya rasa yang menerima akibat adalah rakyat kerana kumpulan wang ini datang datang daripada rakyat dan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan wujudnya kumpulan ini seperti mana yang ada di Fasal 6 dalam Rang Undang-undang ini iaitu penggunaan Kumpulan Wang ini akan dilaburkan apabila genap tempoh 10 tahun daripada tarikh penguatkuasaan. Apa yang kita harapkan ialah supaya pelaburan-pelaburan yang akan dibuat itu nanti akan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak, tidak hanya kepada satu golongan sahaja ataupun keuntungan diberi kepada satu pihak sahaja ataupun keuntungan itu hak pihak-pihak yang tertentu sahaja. Jadi biarlah pelaburan itu dapat dinikmati oleh semua rakyat di negara ini, khasnya generasi muda yang akan datang. Saya penuh yakin dan percaya kepada pihak yang mentadbirkan perjalanan Kumpulan Wang Amanah Negara yang ditadbirkan oleh Bank Negara Malaysia kita dan kita yakin apabila kuasa itu diberi, matlamat Kerajaan akan dapat dicapai seperti mana yang dikehendaki,

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak rakan-rakan saya telah menghuraikan beberapa perkara, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang perlu diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan dan apa yang kita harapkan kewujudan Kumpulan Wang Amanah Negara ini akan dapat mencapai matlamat yang sama-sama kita hajatkan dan tidak mensia-siakan wang rakyat dan tidak ada penyelewengan berlaku seperti mana pihak koperasi yang lain dan dengan harapan itu, saya mohon izin menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

**4.36 ptg.**

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk turut sama mengambil bahagian bersama-sama rakan yang lain dalam membahaskan Rang Undang-undang mengenai penubuhan Kumpulan Yang Amanah Negara dan saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini semalam dan masih menunggu sampai hari ini dan kalau ikut hasrat saya, Menteri yang berkenaan juga harus ada bersama sepanjang perbahasan kita ini. Kalau boleh! Tetapi barangkali Menteri yang berkenaan ada di Dewan Rakyat kerana sepanjang yang saya ikuti perbahasan ini walaupun sederhana tetapi hangat kerana amaran pernah diberi oleh tiap-tiap orang yang mengambil bahagian kepada Kerajaan yang menunjukkan bahawa mereka semua takut, takut penyelewengan dan takut wang negara ini hilang.

Mengikut keterangan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan semalam, wang modal ataupun caruman permulaan tabung ini sebanyak \$100 juta. Dengan amaran yang dibuat bahawa pada tahun 2002 dan 2015 akan datang ini minyak dan timah akan pupus, bermaknalah tabung ini yang paling agung untuk menjaga muslihat negara dan rakyat kepada sama ada ianya hidup atau mati ataupun terus hilang dari dunia ini. Dengan sebab itu, saya cadangkan sekali lagi sepatutnya Tabung ini bermula sekurang-kurangnya \$1,000 juta. Sebab, apa yang saya nampak dan barangkali saudara rakan saya nampak, kononnya inilah satu tabung yang akan menjadi tonggak bagi memelihara kedudukan negara ini-dan rakyat seluruhnya pada masa 10 ataupun 20 sehingga 100 tahun akan datang. Tentulah tidak munasabah caruman permulaannya sebanyak \$100 juta, kerana zaman ini pada hemat saya \$100 juta tidak banyak. Malah \$1,000 juta pun tidak banyak.

Jadi dengan sebab itu, Tabung ini saya nampak hanya semata-mata untuk menampung sebahagian daripada perbelanjaan negara ini, sebab salah satu daripada sumber wang yang akan di labur, akan diberi kepada Tabung ini ialah daripada sumber wang yang disatukan dalam negara ini.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, siapa sahaja yang memahami tentang kewangan apabila disebut wang yang disatukan ini, maka inilah wang negara yang datang daripada wang rakyat, bermakna Tabung ini jangan dikhuatirkan sumbernya ada, dan ulasan sumber yang akan dapat ini dari minyak, timah, balak dan lain-lain, itu adalah sebahagian daripada hujah untuk mewujudkan Akta ini. sehingga wujudnya pula sekaligus Tabung Wang Amanah Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekalipun saya agak menekan, tetapi saya menyokong Tabung ini. Saya tidak yakin dan saya rasa mustahil bahawa dengan hanya Tabung ini sahaja boleh membiayai keadaan kemajuan kehidupan rakyat yang bermula dari sekarang ini kepada 100 tahun atau 200 tahun akan datang, kerana sepanjang yang saya dengar Tabung ini merupakan faktor yang sangat besar. Dengan sebab itu saya berpendapat Tabung ini hanya sebahagian sahaja daripada alat untuk menampung perbelanjaan pengurusan negara dalam semua bidang.

Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat di sebelah sana tadi yang menyatakan supaya wang ini jangan disia-siakan, memang Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mensia-siakan wang rakyat, tetapi yang berlaku penyelewengan bukan Kerajaan. Saya minta bukti kalau ada di antara pemimpin Kerajaan yang telah menyelewengkan wang negara ini dilepas bebas begitu sahaja, barangkali tidak ada, tetapi ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat

dengan Badan-badan Berkanun Kerajaan menyeleweng, tetapi kita telah ambil tindakan undang-undang.

Saya rasa sedap hati, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai firtance ini saya tidak bimbang seperti barangkali rakan-rakan saya yang lain, sekalipun kuasa penuh yang diberi kepada Menteri Kewangan, Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri ini satu hari. mungkin sudah tidak ada, saya pun tidak ada, Tuan Yang di-Pertua juga tidak ada, kerana disebut di sini mereka ini. tertakluk di bawah Akta atau Kanun Kesiksaan, ertinya apabila dia menyeleweng maka kita tidak sia-siakan dia, sekalipun dia berada di Peranchis, di Belanda apa lagi di HongKong, dekat sahaja, kita bicarakan dia dengan cara adil dan kita sumbatkan dia ke dalam jika perlu dan sabit undang-undang. Kita tidak perlu takut, tetapi pada saya apa yang kita takut ialah hari ini. undang-undang ini dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, Akta ini dibuat oleh Kerajaan Bartsan Nasional, Menteri Kewangan ialah Menteri. dari Barisan Nasional, apakah akan jadi dalam 10 tahun, 20 tahun, 30 tahun atau 100 tahun kemudian kerana di dalam Akta ini tidak diberi satu tempoh seperti bahawa setelah 100 tahun Akta ini akan dibatalkan - tidak ada. Pada masa itu siapa pun boleh menjadi Kerajaan. Ini. harus ditanya bukan sahaja oleh Wakil-wakil Rakyat dan Menteri yang berkenaan, malah setiap rakyat dalam negara ini wajib bertanya dirinya mahu hidup dalam keadaan aman dan tenteram seperti hari ini atau mahu hidup di dalam keadaan kucar-kacir. Dengan sebab itu saya menyatakan bahawa Tabung ini pada saya kecil sahaja kepada sebuah Kerajaan seperti Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf agak tinggi sedikit nada saya. Satu perkara lagi sedang elok, sungguh bijak Menteri dan Timbalan Menteri, dan barangkali Menteri-menteri Kabinet, khususnya



Kerajaan Barisan Nasional, Tabung ini wujud sedang elok, sebab tempoh Dasar DEBA akan di semak semula minta maaf DEBA ini bermaksud Dasar Ekonomi Baru, saya tambah 'A' sebelah belakang, jadi DEBA - ini akan di semak semula, sama ada diteruskan atau diberhentikan dan digantikan dengan perancangan lain. Jadi dengan sebab itu Tabung ini wajib diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Akta ini telah dipersetujui dan Tabung ini akan dilaksanakan, maka saya yakin tidak kurang di antara rakyat dalam negara kita ini akan berbunyi di sana-sini bahawa Tabung ini untuk beberapa orang Menteri dan berbunyi. Tabung ini untuk orang-orang Melayu, dan akan berbunyi. Tabung ini untuk bumiputera. Maka dengan ini Menteri yang berkenaan harus bekerjasama dengan Menteri Penerangan dan Menteri-menteri lain - maksud saya Kementerian-kementerian lain - memberitahu rakyat jelata sekalian bahawa ini bukan satu muslihat demi menekan kepada siapa sahaja dalam negara kita, tetapi ini adalah niat ikhlas Kerajaan Barisan Nasional demi menyelamatkan keadaan negara yang sekarang ini geragempa ekonomi dunia sehingga kita juga terasa ini salah satu jalan sahaja, Barangkali kalau kita hanya menubuhkan Tabung ini bagi memperbaiki keadaan ekonomi negara kita, saya yakin ianya tidak akan terpulih, ianya tidak akan sembuh, ianya tidak akan sempurna kalau hanya dengan Tabung ini sahaja. Jadi dengan sebab itu, Kerajaan harus memberitahu kepada rakyat supaya jangan keliru tentang ini, kerana baru-baru ini semua rakyat terasa apa yang berlaku iaitu peristiwa 95 orang telah diambil menjadi 'anak angkat Kerajaan' - makan free, tidur free, mandi pun free. Kalau tidak, suasana tegang bukan sahaja di bandar Kuala Lumpur, Ipoh, Johor dan lain-lain malah sampai ke desa-desa suasana ini tegang.

Kerana keruncingan, kerana fitnah, khabar angin, penyampaian maklumat daripada Kerajaan telah terputus, telah tidak diperbetulkan. Oleh sebab itulah penerimaannya tidak mesra kepada rakyat, maka akibatnya aksn diterima oleh Kerajaan dan kita semua rakyat jelata akan terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga saya tidak sebut kerana rakan-rakan telah sebut dari sumber itu sumber ini, saya sebut satu sahaja. Wang yang disatukan ini maknanya sangat penting. Kalau wang ini boleh diambil untuk dimasukkan ke tabung ini, saya sungguh senang hati. Sungguh rasa lapang dada saya. Apa yang saya takut wang ini, wang yang disatukan ini tidak dapat diambil untuk dimasukkan sedikit sebanyak ke Tabung ini, saya susah hati.

Selepas 10 tahun akan menjelanglah tahun 2000. Wang ini baru boleh dilaburkan, baru boleh digunakan. Kalau dengan hanya \$100 juta barangkali faedahnya dimasukkan ke Bank Negara, ia beri 8%, mungkin tidak banyak. Tetapi saya tidak tahu apakah muslihatnya di sebalik \$100 juta ini. Tetapi kalau lepas 10 tahun hendak dibelanjakan wang itu, tidak banyak. Mungkin baru dia jadi \$200 juta. Tetapi bagaimana saya cadangkan kalau \$1,000 juta, dia akan menjadi mungkin \$15,000 juta. Banyak. Sebab projek pembangunan negara ini, Rancangan Malaysia Keempat dan kita masuk Rancangan Malaysia Kelima hampir \$30,000 juta. Belanja pengurusannya lebih banyak daripada Pembangunannya. Tetapi tidak apalah saya nampak dalam Dewan ini pun, pegawai-pegawai Kerajaan sangat taat setia, tunggu.

Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tninta terutama sekali Timbalan Menteri ada di sini, fikir habis-habis. Sebab Akta ini Menteri yang berkenaan ada kuasa berunding, berbincang dengan ahli-ahli panel yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi, orang yang baik-baik, orang yang beriman, orang yang tidak seleweng untuk jaga

wang **ini**. Jadi akan adalah perubahan di sana **sini**, Ini cuma rangkanya sahaja, kerana Akta ini hendak diwujudkan dan sekali gus tabung akan ditubuhkan. Apabila tabung ini boleh ditubuhkan, entah bila, mungkin tahun depan atau tahun 1990 tidak dinyatakan di **sini** maka saya harap dan berdoa mudah-mudahan tabung ini akan berjaya dan matlamat kita akan dapat kita capai. Tetapi saya tidak jamin 100%. Kalau hendak menyatakan bahawa demi kepentingan untuk menjaga muslihat generasi generasi maknanya keturunan anak cucu kita dengan wang ini tidak tertampung, melainkan negara tetap mencari sumber-sumber hasil dari apa juga.

Dan kita, Tuan Yang di-Pertua, jangan terlalu rasa takut. Kalau kita bandingkan dengan negara jiran kita, kita lebih besar dan ada sumber-sumber alam, sumber-sumber asli. Tetapi ada negara jiran dia tidak ada sumber asli. Dia menjadi tukang upah sahaja. Tetapi dia boleh hidup. Dia ada angin sedikit hendak challenge kita, hendak test kita dengan empat orang laskarnya mencuba kita. Lepas itu kita bising. Barangkali laskar ini sesat jalan kerana terlalu dekat dengan dia. Tetapi harus diingat, pak guru laskar-laskar ini bukan datang dari timur dia datang dari barat yang menjadi pak guru laskar-laskar yang ada di selatan negara kita.

Barang diingat "kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapak". Ini juga perlu dijaga. Kalau dia boleh berganding dengan kita tentang ekonomi, dia tidak ada balak sebatang **pun**, pokok getahnya pun sudah hilang, minyaknya pun tidak ada. Kelapa pun tidak ada. Kelapa sawit jauh sekali. Tetapi dia masih mendabik dada. Inilah menunjukkan kebijaksanaannya merencanakan ekonomi negaranya sehingga sebahagian dunia ini rasa segan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kalau 5 tahun dulu, Tuan Yang di-Pertua ataupun Timbalan Menteri yang berkenaan saya tidak pernah pergi ke luar negeri jauh-jauh, Orang yang pergi ke luar negeri jadi, kalau ditanya "Tuan dari mana?" Kita beritahu "dari Malaysia atau dari Malaya" dia tidak kenal kita. Tetapi dia kenal dari Singapore! Ini menunjukkan negerinya sangat established, dengan izin.

Apakah kita tidak fikir ini?

Jadi dengan sebab itu Menteri yang berkenaan - Menteri Kebudayaan dan Pelacongan sekarang ini - wajib mencari jalan memperkenalkan negara ini sungguh-sungguh. Dan istilah "menjual Malaysia" ini kalau boleh dihapuskan. Perkataan Malaysia, bahasa Malaysia, "menjual Malaysia" ini, saya sungguh sakit telinga. Tidak adakah satu bahasa lain. Di mana-mana iklan suratkhobar, majalah dan sebagainya "menjual Malaysia".

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua apakah maknanya "menjual?"

Kalau kita jual ada orang beli. Apakah sanggup kita menjual Malaysia? Ada negara mahu membeli Malaysia? Kita tidak mahu jual pun ada orang mahu membelinya. Ini harus di ingat.

Negara-negara yang besar dan berkemajuan sentiasa memainkan peranan mahu membeli Malaysia. Bukan dalam bentuk pelancungan tetapi membeli dalam erti kata penjajahan bentuk baru, penjajahan dari segi psikologi, penjajahan dari segi ekonomi yang pernah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah tidak terasa dalam hati kecil kita, keadaan ini berlaku walaupun ini dua patah perkataan sahaja "menjual Malaysia".

Saya cadangkan perkataan "menjual Malaysia" ini ditukarkan kepada perkataan-perkataan yang lebih menarik dan manis lagi mesra atau lebih romantik, bara orang datang. Jadi kita tidak payahlah padu dengan Bangkok, Yala, Pattaya mengapa di sana orang suka datang? Mengapa orang suka datang ke Bali? Orang Arab pun suka datang ke sana. Tidak payah kita sebut. Kita membaiki kita.

Jadi, kita harap tabung ini juga satu masa, satu ketika akan mengalir juga kepada rakyat walau dengan apa jalan sekalipun. Kerana saya nampak boleh diminta dengan Kerajaan Negeri yang menerima sebarang royalti sama ada minyak, emas, tembaga dan sebagainya dan tabung ini juga boleh memberi pinjaman kepada negeri-negeri yang sangat memerlukan dan negeri-negeri itu juga akan memberi pinjaman kepada rakyatnya yang mahu berniaga dan sebagainya, itu ertinya pengaliran kepada rakyat. Tetapi malangnya saya pun sudah tua, sudah berumur dan barangkali 10 tahun lagi sudah tidak ada tetapi saya minta adalah, Tuan Yang di-Pertua masih ada lagi mahu lihat tabung ini, jadi kita tengok ini berjaya, Dan wang ini saya setuju dengan saudari saya di sebelah sana saya lupa namanya, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajjah Azizah.

**Tuan Mustffa bin Awang:** Puan Mazidah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Azizah.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Puan Azizah supaya digunakan bagi kepentingan ilmiah. Maksud saya untuk penyelidikan seperti yang disebutkan oleh mercka. Kadang-kadang ini kita bercakap besar. Kita ada MARDI, saya minta maaf kalau ada pegawai MARDI ada di sini, saya tidak hendak kondem MARDI. Kita selidik MARDI tetapi di Batu Pahat atau di mana, koko dia lebih baik daripada koko MARDI. Ini macam mana terbalik. Jambu batu yang ditanam di negeri Siam itu lebih besar dari kita. Kita selidik sangat, wang banyak habis tetapi saya tidak menuduh, tidak ada niat saya menuduh MARDI. Sesungguhnya tidak ada niat tetapi biarlah ianya berpada-pada, jangan terlalu meniru-niru orang lain. Saya tidak pernah ke England

tetapi saya tak tahu jambu batu ada atau tidak di sana - orang tanam di sana. Adakah Tuan Yang di-Pertua di tanam di England jambu batu? Jadi, kalau sudah tidak ada di sana mengapa kita harus belajar mengenai jambu batu ini dengan dia, saya fikir tidak patut. Fasal jambu batu kita pergi belajar di Kanada, ini yang kita hairan juga. Kursus pergi sana fasal jambu batu misalnya. Kalau hendak kursus jambu batu di mana negeri yang mula buat jambu batu ini jadi besar, barangkali di Thailand; bukan saya kempen untuk Thailand, saya pun tidak suka ke sana. Jadi, kita kena cari supaya kita ada pakar. Saya tidak setuju dengan Timbalan Menteri Kesihatan tadi, terutamanya saya cakap di Dewan ini. Maksud kehendak saudara kita bukan setiap rakyat mesti dirawat oleh pakar - bukan. Ertinya untuk setiap orang rakyat orang pakar, tidak begitu. Tetapi kalau di Muar itu bandar yang masyor dari zaman dahulu, rakyatnya ramai tidak patut tidak ada pakar, kenalah ada. Tetapi kalau sudah ada banyak pakar, mengapa lupa pakar rambut, hidung ada, telinga ada [Ketawa]. Saya minta maaf, Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang di-Pertua.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, ya. Jadi, satu hal lagi sebelum saya duduk. Saya hendak sambung tentang pelabur luar yang disebut oleh saudara saya Senator Mohd. Wajdi kalau boleh ditangguhkan dahulu, jangan dipercepatkan sangat kerana pengalaman kita fasal pelabur luar, kita jadi sibuk. Jadi, kita kemudiannya utamakan pelabur dalam negeri. Kalau ada orang rasa tidak puas hati, tetapi bagi saya puas hati kerana pengurusan wang ini diberi tanggungjawab penuh kepada Bank Negara tidak boleh sewenang-wenang, sekalipun kuasa diberi kepada Menteri Kewangan tetapi pengurusannya diberi tanggungjawab kepada Bank Negara. Jangan Timbalan

Menteri Kewangan atau Menteri Kewangan rasa cemas kononnya kita tidak percaya dengan dia tetapi kita takut satu masa bertukar tangan kerana di akhir dalam Akta ini ada menyebut implikasi kewangan.

Amaran ini sudah memadai yang kalau kita perhatikan bahawa wang tabung ini tidak akan hilang begitu sahaja kerana sudah kita terkena sekali kita akan ingat selama-lamanya. Namun begitu kita juga kena jaga kerana fitnah kepada Kerajaan kita akhir-akhir ini banyak di mana-mana berlaku bukan sahaja oleh rakyatnya sendiri tetapi yang ada di kalangan rakyat yang terdiri bukan daripada negara kita,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli sekalian, ada rakyat Malaysia ini menyatakan kepada saya dan mungkin juga kepada orang lain bahawasanya Malaysia ini belum lagi merdeka seratus peratus dengan ada bukti-bukti yang tertentu dan nyata. Jadi, dengan sebab itulah segala apa tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan kerana Kerajaan kita Kerajaan politik, harus berhati-hati. Sekali pun pepatah Melayu 'biar terlambat, jangan terlaju sangat'. Ini sudah tidak dipakai lagi oleh orang sekarang maka peringkat umur macam saya kena peka juga, kerana maklum sahaja kita sedang manghadapi berbagai-bagai masalah terutama sekali ekonomi dan keselamatan negara. Kadang-kadang selang sehari Pulau Bidong masih menjadi dara pingitan kaum Vietnam keturunan China singgah dan bermastautin di sana, barangkali orang Kuala Lumpur hanya mendengar melalui akhbar, melihat melalui TV tetapi kami di Terengganu melihat dengan mata kepala.

Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku di Pulau Bidong, orang Vietnam keturunan China maaup terus ke Pulau Bidong tanpa diketahui oleh sesiapa dengan hanya menyibar bendera putih dan tidak kurang daripada beberapa alat-alat penting, senjata-senjata penting, kalau dibom, kalau dibuat begitu, begini barangkali Pulau Bidong dan sebahagian daripada pulau-pulau di Negeri Terengganu akan hancur.



Maka tidak hairanlah cubaan gurau senda yang dibuat oleh sebahagian kecil askar-askar jiran kita menguji kita untuk masuk ke negara kita dan ini boleh diterima. Sebagai satu hujah dan alasan, siapa tidak mahu banyak? Barangkali tidak ada satu orang dalam Dewan ini yang tidak mahu banyak, semua orang mahu banyak, saya pun mahu banyak tetapi malangnya tinggal sedikit, apa boleh buat. Tentulah negara kecil ingin kepada kedudukan sebuah negara yang lebih -besar, menguasai negara yang lebih besar, hatta Israel. Ini harus waspada.

Jadi setakat ini saya rasa senang hati, rasa sukacita menyokong Rang Undang-undang ini dan sekaligus menyokong penubuhan Tabung Amanah Wang Negara **ini**. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Hassan Nam dahulu.

#### **5.11 ptg.**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan **ber-**banyak terima kasih kerana diberi peluang saya turut sama mengambil bahagian dengan Ahli Yang Berhormat lain untuk membahaskan dan menyokong suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan kumpulan wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya dan juga Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1987 yang mana Rang Undang-undang ini telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin, 30hb November, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih dan tahniah serta syabas kepada Kerajaan kita dan khususnya kepada Kementerian Kewangan kerana ada kesedaran di atas daya usaha yang

dijalankan oleh Kementerian berkenaan bagi menubuhkan satu tabung Kumpulan Wang Amanah Negara dari wang sumbangan hasil oleh Petroleum Nasional Berhad kepada kumpulan wang itu dan dari lain-lain sumber serta pihak dermawan. Kumpulan wang ini ditubuhkan oleh Kerajaan untuk disediakan ialah bagi tujuan faedah kepada pembangunan ekonomi negara untuk generasi kita akao datang yang mana berkemungkinan pada tahun 2002 segala hasil sumber asli negara kita ini pada masa itu akan berkurangan ataupun habis, ini termasuklah dari hasil petroleum kita akan kekeringan tetapi kita harap dengan adanya Kerajaan buat persediaan Tabung Kumpulan Wang Amanah Negara itu pembangunan negara kita dijangka akau dapat diteruskan di masa-masa akan datang nanti dan walaupun dalam keadaan ekonomi negara kita meleset sepertimana yang sedang kita alami sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal perlantikan Ahli Panel Kumpulan Wang Amanah Negara yang mana diamanahkan perlantikannya kepada Menteri Kewangan dan ahlinya hendaklah terdiri dari seorang Pengerusi, tak tahu siapa serta jurusannya, dan seorang Timbalan Pengerusi yang hendaklah merupakan seorang pegawai Kementerian Kewangan, seorang pegawai dari Jabatan Perdana Menteri dan dua orang anggota yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan atau kewangan. Dengan ini saya penuh yakin kepada Kementerian Kewangan yang akan melantik Ahli-ahli Panel atau Lembaga ini yang mana akan mentadbir serta pengurusan kepada kumpulan wang di negara ini untuk mentadbirkan kumpulan wang dan Bank Negara Malaysia pula akan dipertanggungjawabkan atas pentadbiran dan segala pengurusan hal ehwal harian terhadap kumpulan wang itu. Sudah tentu sekali Ahli-ahli Lembaga ini akan dilantik terdiri dari orang-orang profesional dan mempunyai pengalaman yang cukup di bidang tersebut dan mereka ini diharap akan

ada bersih, cekap dan beramanah di atas pengurusan kumpulan wang tersebut. Kita harap dengan adanya keamanahan pihak pentadbir terhadap pengurusan Kumpulan Wang Amanah Negara ini telah ditubuhkan nanti dengan adanya pengawasan yang rapi dari semua pihak yang akan terlibat, saya fikir tidak akan timbul atau berlaku sebarang perkara penyelewengan yang tidak diingini seperti rasuah ataupun salahguna kuasa yang telah diberikan itu, sebagaimana yang telah berlaku skandal terhadap BMF dan Kumpulan Wang Deposit Ahli-ahli Koperasi di beberapa syarikat kewangan dan juga koperasi di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuhnya di atas Rang Undang-undang ini atau Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1987 untuk diluluskan dan juga saya mengharapkan supaya bagi penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara serta pengurusan kumpulan wang ini dapat berjalan dengan sebaiknya dan menuju ke matlamat serta mencapai kejayaan sebagaimana tujuan sebenarnya, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

**5.16 ptg.**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam menyokong suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan kumpulan wang itu dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya merenung sewaktu pembentangan ini dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada petang semalam, saya teringat kepada Perhimpunan Agung UMNO di Kuala Lumpur ini 10 tahun lalu sewaktu PETRONAS (petroleum) kita mula mencapai

angka bangga dengan hasil minyak. Di dalam Perhimpunan Agung UMNO itu, kalau tidak salah saya, hampir 3 tahun berturut-turut disuarakan oleh para perwakilan supaya Kerajaan menjimatkan duit dengan menyimpan sebahagian daripada hasil yang didapati daripada dasar laut ini untuk kepentingan negara di masa akan datang.

Diperingatkan di dalam Perhimpunan Agung itu supaya Kerajaan jangan berbelanja boros dengan projek-projek mewah dan ini kita dengar kemudian daripada itu skandal projek-projek mewah dalam negara kita. Di dalam Perhimpunan Agung UMNO itu telah dinyatakan oleh para perwakilan supaya jangan wang atau rezeki yang dikurniakan oleh Allah Ta'ala itu dibuang-buang percuma sahaja seolah-olah kita mahu menjadi sebuah negara menandingi Kuwait, sehingga diibaratkan Terengganu itu Kuwait di sebelah Timur. Daripada hasil perbahasan di dalam Perhimpunan Agung UMNO hampir 10 tahun yang lalu, pada hari ini Kerajaan yang didukung oleh UMNO membawa satu Rang Undang-undang ke Parlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk menjimatkan sedikit daripada hasil petroleum kita yang berjumlah \$5,690 juta itu, \$100 juta setiap tahun ke dalam caruman Tabung Kumpulan Wang Amanah Negara. Syukur alhamdulillah, sungguhpun perkara yang telah dilaungkan 10 tahun dahulu, baru hari ini dibentangkan di dalam Parlimen untuk diluluskan, namun demikian kita bersyukur di atas kesedaran ini.

Sewaktu membentangkan Akta ini petang semalam, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan bahawa pada tahun 2002 hasil petroleum Malaysia akan pupus. Saya merenung, sebab itu saya tidak mengambil bahagian perbahasan ini. pada petang semalam kerana saya merenung dan saya perlu meneliti sedalam-dalamnya iaitu tahun 2002 mengikut kajian pakar-pakar petroleum negara kita mengatakan minyak akan pupus - Masya-Allah, Tetapi ini. dasar manusia berjaga-jaga, menginsafi takut-takut kalau tahun 2002 minyak akan habis. Tetapi memang sungguh, Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah membuktikan. Sewaktu perang Indonesia melawan Belanda, seorang Tuan Guru di Pulau Sumatera bernama Tuan Sheikh Abdul Wahab Rokan di Langkat, yang mana hasil daripada doa dan munajat serta taqarrubnya kepada Allah s.w.t. timbul minyak tanah di Langkat pada waktu itu. Tetapi apabila Tuan Sheikh Abdul Wahab Rokan di Langkat tidak dapat bersama-sama dengan Ratu Belanda, pada waktu itu Queen Heleminare, setelah dianugerahkan bintang emas, Tuan Sheikh Abdul Wahab Rokan ini pindah ke Batu Pahat, di Kampung Seri Medan, Parit Sulung. Minyak tanah yang ada di Langkat susut, kering kontang dan timbul di Batu Pahat bijih besi yang dipungkah oleh Jepun dengan menggunakan tongkang untuk diangkut dan dijadikan hasil negara atau kekayaan negara. Apabila Tuan Sheikh Abdul Wahab Rokan balik semula ke Langkat, bijih besi di Batu Pahat, Parit Sulung itu habis dan minyak di Langkat timbul balik dan sekarang **ini** wujud PERTAMINA.

Inilah sejarah yang tersirat, yang kita tidak nampak kerja Allah s.w.t. Manusia hanya mengkaji, meneliti, membuat kajian dan perlukan belanja yang banyak untuk mengendalikan kajian sebagai

pakar-pakar dalam bidang-bidang ini. Dan sekarang negara kita dikurniakan oleh Allah s.w.t. minyak diperairan di sebelah Pantai Timur dan mungkin di perairan Pantai Barat, di Selat Melaka juga mengandungi minyak. Ini mengikut berita yang saya baca. Jadi kalau kajian pakar mengatakan tahun 2002 minyak akan pupus, kita berdoa, semua rakyat Malaysia yang Islam dan yang bukan Islam berdoa kepada Allah s.w.t. supaya minyak pada tahun 2002 jangan habis. Allahulghaniu Yamughni - Allah Yang Maha Kaya dan Mengkayakan. Janganlah kita takut, sebab kalau kita mahu hidup, rezeki dijamin oleh Allah s.w.t. Kalau 29% daripada sumber pendapatan negara daripada hasil petroleum, kita harus berdoa kepada Allah s.w.t. supaya rezeki minyak ini jangan putus.

Di dalam Surah Al-Maidah, di dalam perjuangan Nabi Allah Musa alaihissalam membawa pengikut-pengikutnya pindah daripada Mesir ke Padang Teh di padang pasir gurun yang tidak ada apa-apa, beliau diberi ilham supaya berdoa kepada Allah: Allahumma anzil alaina maaidatan minassamaai, maksudnya: Ya, Allah turunkanlah ke atas kami hidangan dari langit. Tetapi, maksud ayat "maaidatan minassamaai" atau hidangan dari langit itu bukan hidangan yang merupakan satu dulang yang ada lauk pauk dan sebagainya, tetapi, berlaku pada masa itu ialah "manna was salwa", madu dan daging burung. Itu benar kerana pada masa itu rakyat mahu cepat, kalau tidak nanti pengikutnya akan memberontak kerana katanya di Mesir kami ada pesiaran makanan, ada bawang, ada mentimun, ada kubis dan sebagainya.

Nah, sekarang ini kita renung kepada diri kita. Setelah 30 tahun kita merdeka, kita baru merasakan hasil petroleum ini, sedangkan sebahagian daripada rakyat negeri Terengganu tidak puas hati terhadap royalti petroleum yang diberikan kepada Terengganu.

Pembangkok di Terengganu berkempen: Apa yang Terengganu dapat daripada hasil minyak, minyak kita punya piti demo angkut pergi ke Kuala Lumpur. Itu kata orang Terengganu. Dan sekarang daripada hasil petroleum akan kita jadikan Kumpulan Wang Amanah Negara. Bukan hanya untuk Terengganu, bukan hanya untuk Semenanjung Tanah Melayu ini sahaja, tetapi sampai ke Sabah dan Sarawak akan diberikan warisan ini.

Jadi, kepada negeri Selangor, saya buka cerita sedikit mengenai negeri Selangor. Apabila Wilayah Persekutuan diwujudkan, tanah Selangor itu diambil, diberikan pampasan sekian ribu juta ringgit iaitu setiap tahun sekian ratus juta ringgit. Kemudian, sedikit daripada wang itu dibuatkan Pintu Gerbang di antara sempadan Wilayah Persekutuan-Selangor iaitu di hadapan bangunan EPF. Orang pun jadi bising, ini apa, pintu gerbang yang membazir, tak ada guna. Dan apabila pampasan itu sudah hampir habis dan akan habis waktunya, timbullah kesedaran dalam konvensyen UMNO negeri Selangor memutuskan supaya sedikit daripada wang pampasan Wilayah itu dijadikan Tabung Warisan Negeri Selangor. Alhamdulillah, Menteri Besar yang ada sekarang Dato' Mohamed bin Haji. Mohd. Taib seorang yang berkelulusan di bidang sejarah, dengan kedudukannya yang baik, beliau memahami sejarah negara ini, sejarah Melaka, sejarah Riau, sejarah Kesang Dipajak, sejarah Langkat, Sejarah Pulau Penyengat, sejarah Jugra dan Perang Saudara di antara Sultan Selangor dan macam-macam cerita lagi oleh kerana tidak ada Tabung Warisan sehingga sultan-sultan dan Raja-raja Melayu dahulu sanggup menerima pencen \$15,000 setahun menyerahkan Kesang, menyerahkan Temasik dan sebagainya kerana tak ada duit. Jadi, kerana kita takut kita tak ada duit, kita perlu ada

Tabung Warisan macam usaha negeri Selangor yang telah memulakan dengan Tabung Warisannya itu dan insya Allah pada satu masa mengikut usul di dalam Konvensyen UMNO negeri Selangor minta supaya dibenarkan menubuhkan sebuah "Bank of Selangor", sebab duitnya dari duit pampasan Wilayah. Cadangan itu bertaku pada masa Yang Berhormat Dato' Hormat Rafie menjadi Menteri Besar. Beliau minta kepada Menteri Kewangan supaya negeri Selangor mempunyai bank iaitu Bank of Selangor dan duitnya daripada duit, pampasan Wilayah sebanyak \$300 juta, \$300 juta, \$300 juta diisikan dalam Bank of Selangor setiap tahun. Tetapi tidak diluluskan sehingga sekarang iaitu sehingga bertukar Menteri Besar, Dato' Mohamed bin Haji Mohd. Taib dapat pula mewujudkan Tabung Warisan Selangor dengan asas \$15 - \$20 juta daripada wang pampasan Wilayah itu.

Kesedaran itu timbul kemudian hampir 10 tahun. Seperti saya katakan tadi dalam perhimpunan Agung UMNO - 10 tahun dahulu sudah dilaungkan oleh wakil negeri Terengganu yang berucap dalam perhimpunan Agung UMNO supaya wang itu hendaklah disimpan sebahagian daripadanya kerana minyak itu akan habis apabila disedut, disedut sekian tong, sekian ribu tong, sekian juta tong, lama-lama kering. Sedangkan hendak menjadikan minyak itu menunggu masa dua juta tahun. Itu kalau mengikut pendapat pakar kajibumi. Saya bertanya macam mana minyak boleh ada di bawah laut kerana dua juta tahun dahulu laut China iotu daratan, kemudian oleh kerana keadaan alam berubah daratan itu telah tenggelam, pokok, rumput rampai dihimpit, ditindih oleh batu dan pasir ia menjadi telaga minyak.

Sekarang kita dapat merasai nikmatnya, proses perubahan dua juta tahun dahulu. Hasilnya sekarang ada, tetapi lama-lama akan



habis. Begitu juga dengan Timur Tengah, di setengah- setengah negara yang minyaknya sudah hampir habis, terpaksa memusing balik keadaan negaranya kepada satu sumber yang lain untuk memberikan penghidupan kepada rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kesedaran yang timbul sekarang ini. adalah terlewat, namun demikian kita ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan kerana mengemukakan Akta ini. Ini Akta satu baru yang nantinya kalau timbul keadaan-keadaan yang memaksa, mungkin akan diadakan pindaan-pindaan kepada Akta ini. di masa-masa yang akan datang kerana ini belum lagi diwujudkan dan hanya minta kelulusan dan kita akan sokong sepenuhnya supaya perkara ini segera diluluskan.

Mengikut dalam ucapan pembentangan ini dicadangkan buat pertama kalinya ialah PETRONAS akan mencarum \$100 juta dari keuntungannya setiap tahun kepada Kumpulan Wang Amanah Negara ini, demikian kata yang diucapkan oleh Timbalan Menteri Kewangan petang semalam. \$100 juta setiap tahun dan selama 10 tahun tak boleh digunakan. Mengikut kata Ahli Yang Berhormat yang lain, \$100 juta tak banyak, memang wang \$100 juta tak banyak.

Kita terbaca dalam suratkhbar dua-tiga hari lalu, Filipina sanggup menggugurkan tuntutan ke atas Sabah kalau Malaysia sanggup membayar \$8,000 juta.

Jadi dalam pada kita hendak kumpul duit, timbul orang hendak minta duit, kalau tidak politik kita sentiasa tegang. Jadi ini semua yang kita fikirkan.

Di dalam masa kita hendak menentukan bagaimana dalam masa 100 tahun akan datang rakyat kita menjadi 70 juta, kalau rakyat sudah 70 juta, macam mana keadaan negara kita. Sekarang kita baru ada 15 juta lebih sedikit, kita sudah menghadapi masalah seperti ini, bagaimana kalau rakyat kita 70 juta, empat kali ganda daripada sekarang. Mahu tidak mahu perkara ini akan jadi, kerana ini 100 tahun, satu orang akan berkembang menjadi 4; 15 x 4 jadi 60, cukup 100. 100 tahun 4 keturunan, habis cerita, tidak payah cicit banyak-banyak pun 100 juta itu akan timbul. Tidak payah makan ubat khayal, tidak payah cari minyak dhab, benda itu memang jadi. Kajian kasar satu orang akan menjadi kepada 4 keturunan, 100 juta. Jadi 70 juta dalam masa 100 tahun, kemungkinan minyak kita entah di mana, kayu balak kita entah di mana, bijih timah kita yang sudah dikorek sekian ratus 100 tahun oleh pedagang-pedagang daripada negara lain, kita tidak nampak selama ini, barulah sekarang kita tubuhkan Majlis Timah, timah sudah hendak habis baru buat Majlis Timah.

Tahun 1953 saya main sandiwara kerana hendak merdeka dahulu, dahulu UMNO tengah hebat kami main sandiwara, datang Special Branch tanya: "Apa skrip sandiwara awak?", "Tidak ada, kami cuma bawa cerita-cerita penglipur lara". Kalau perempuannya lelaki juga, bukannya perempuan betul masa itu, namakan si Timah, datang penyamun hendak merampas Timah, kami sanggup bergadai nyawa untuk mempertahankan si Timah kesayangan kami, pada hal "Timah" itu bukan Timah itu, "Timah" ini ialah bijih timah. Kami akan mempertahankan si Kembang Putih yang ada dalam negara kita, Kembang Putih yang menjadi

pujaan kampung kami.. Siapa Kembang Putih? - Susu getah! Kita pusing macak itu, Speacial Branch orang putih tidak boleh dapat tangkap, kerana ISA pada masa itu tidak ada.

Saya teringat pada masa main sandiwara di kampung-kampung, hendak mempertahankan si Timah, hendak mempertahankan si Kembang Putih iaitu bijih timah kita dan susu getah kita. Cikgu yang mengajar, yang membuat skrip sandiwara itu ialah Cikgu Shahrom Mohsein yang baru-baru ini keluar di TV "Jasamu dikenang". Dia main politik' macam itu, tidak payah gunakan macam drama semalam yang keluar di TV jumpa bayangan orang tua bekas Bintang Tiga. Cerita itu tidak kena gayanya kalau macam itu, mengajak orang berontak sahaja. Sebab itu ISA kita kena kuatkan lagi.. Hendak buat drama, sebab itu tadi ada pertanyaan, adakah penulis-penulis skrip drama ini, dia betul-betul memahami itu. Jadi kalau macam itu dramanya saya tengok, ia bahaya kepada anak-anak, apa lagi sekarang anak-anak yang bijak pandai, yang ada ijazah berbelas-belas ribu, dia tengok: "Ai, orang ini dahulu tidak ada ijazah pun dia boleh berontak, apa lagi sekarang yang ada ijazah, hendak berontak senang sahaja". Jengok di Indonesia - Himpunan Mahasiswa Islam Indonesia berontak, tumbang Soekarno. Jadi sekarang hendak membentuk masyarakat, hendak membentuk negara dalam keadaan yang macam ini, keadaan yang macam-macam masalah, kita kena berhati-hati betul-betul.

Bila Menteri Penerangan yang ada ini geng saya main sandiwara tahun lima puluhan dahulu, Dato' Tan Peng Khoon dia tahulah, sama-sama di Batu Pahat; Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon itu tukang beri duit buat bubur kacang [Ketawa]. Masa itu hendak menangkan dia jadi State Councillor, main sandiwara, tidak ada apa-apa.

Jadi sekarang ini kita kena menentukan garis panduan hidup negara kita. Salah satu daripadanya untuk menubuhkan satu Kumpulan Wang Amanah Negara ini, pada saya ialah Tabung Warisan Negara. Kalau kita ambil dari ajaran Islamnya, mengisi Baitulmal (harta negara), sabab itu daripada tanah, harta negara diisi Baitulmal. Jadi, kalau di Mesir ada Kementerian Wakaf dan Baitulmal ia boleh membiayai Al-Azhar dan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Itu maksud Ahli Yang Berhormat tadi supaya dibuatkan duit ini untuk kajian, untuk orang mempelajari. Inilah tanggungjawab 'ulul-amri.', tanggungjawab Kerajaan 'ulul-amri', tanggungjawab Menteri Kewangan memikirkan ini, tanggungjawab Timbalan Menteri Kewangan ini menyelesaikan masalah ini 'ulul-amri', itu tanggungjawab 'ulul-amri' di dalam menentukan Baitulmal ini supaya jangan diselewengkan.

Zaman Saidina Umar Al-Khatib menjadi Amirul-mukminin, apabila dia bercakap kepada tetamu yang datang dengan urusan negara, dia pasang lampu yang minyaknya daripada minyak Baitulmal. Tetapi apabila sudah sampai pukul 10,00 malam, "Tuan sekarang bercakap dengan saya mengenai negara atau mengenai peribadi?" "Mengenai peribadi, Ya Amirul-mukminin", dia padam lampu itu, tidak pasang lampu lagi, dia pakai cahaya bulan. "Mengapa Tuan padamkan lampu, Ya Amirul-mukminin?", "Tadi urusan negara, kita boleh pakai minyak negara, minyak Baitulmal; sekarang urusan peribadi, tidak pakai lampu pun kita boleh bercakap".

Ini contohnya, penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran Saidina Umar sudah buat. Ini ISA jangan tuan-tuan takut, ISA sudah berlaku di zaman Saidina Umar menjadi Khalifah, zaman Saidina Umar menjadi Amirul-mukminin, Saidina Ali menjadi orang kanannya. Ada seorang yang bernama Shalfa'ah, kalau tidak salah saya, bertanya kepada Saidina Ali mengenai tafsiran ayat "waz-zariah tul-zarwa",

angin yang membawa ayat "waz-zariah tul-zarwa", kemudian dia tanya dengan Saidina Ali, jawapan Ali. begini.. Kemudian dia tanya kepada Saidina Umar, Saidina Umar jawabannya begini. Orang memberitahu kepada Saidina Umar, kepada Khalifah: "Ya Amirul-mukminin, dia ini semalam bertanya kepada Baginda Ali, hari ini. bertanya kepada tuan, apa kedudukan orang ini?" "Oh, dia tidak yakin kepada keputusan dan keadaan hari ini, tangkap dia dan asingkan dia, jangan benarkan dia bercampur dengan orang ramai.". Ini ISA di zaman Saidina Umar Al-Khatib menjadi Khalifah. Jadi dia datang kepada orang itu bawa cerita lain, datang kepada orang ini bawa cerita lain. Keputusan Khalifah: "Asingkan orang itu, tangkap, supaya dia jangan bercampur dengan orang sehingga beberapa hari, sehingga beberapa minggu". Setelah dia menyedari bahawa cara dia membawa cerita kepada dua kelompok yang berlainan dengan cerita yang berlainan, meragukan orang, maka dia sedar, dia taubat, bila taubat keluarkanlah tanpa syarat. Cuma pada masa itu tidak tulis ISA.

Tuan Yang di-Pertua boleh baca di dalam tafsir Azilal Syed Qutub dalam ayat yang saya sebutkan tadi, ada dalam tafsiran itu. Jadi tidak zalim Kerajaan mengadakan Akta ISA, kalau orang ini. boleh mengajar orang berkumpul di pasar Pontian, di pasar Kulai, di pasar Batu Pahat, membenci Kerajaan. Ini dikatakan politik di jalanan, ini kumpulan-kumpulan 'kebo', ini politician kumpulan 'kebo', ahli politik kumpulan kerbau, apabila seekor bawa lumpur semua terpalit. Jadi sebelum yang lain terpalit, tangkap yang bawa lumpur tadi, asingkan, masukkan kandang lain. Itu yang dikatakan ISA. Sekarang inilah kita cerita ISA, keadaan semacam itu.

Zaman Kesultanan Melayu Melaka pun ada macam itu orang-orang yang membuat kacau diasingkan oleh Baginda Sultan di Kampung Hilir namaya, kerana Hang Tuah itu tidak taat kepada Sultan, dihukum bunuh. Maka oleh Bendahara, Bendahara tahu, maka diasingkan Hang Tuah itu ke hulu Melaka, di Batang Melaka - Batang Melaka ini bukan batang pokok Melaka, batang ini. maknanya "sungai", macam orang Sarawak kata Batang Rajang, Tuan Yang di-Pertua, Batang Melaka itu ialah Sungai Melaka; Batang Rajang itu Sungai Rajang [Ketawa]. Jadi orang salah faham kadang-kadang dia kata Batang Melaka ini batang pokok Melaka, tumbang daripada Bandar Hilir sampai Kenyalas - bukan. Batang Melaka itu maknanya Sungai. Melaka yang mengalir daripada kaki Gunung Ledang sampai ke muara Melaka. Jadi di'ISA'kan Hang Tuah oleh Bendahara Melaka di sana. Apabila Hang Jebat mengamuk, "Sayang, kalau si Tuah masih ada, alangkah bagusnyanya". Ingat kepada orang yang ditahan di bawah ISA, tarik balik, panggil balik, keluarkan, tengok sejarah negara kita. Orang yang pernah kena tahan ISA jadi Menteri, orang yang pernah ditahan di bawah ISA jadi Wakil Rakyat balik, wallahualam bissawab, itu dia. Sebab ISA itu ciptaan manusia, jadi kita tidak takut.

Waktu ditangkap ramai-ramai pun saya dapat telefon juga. Dia kata "Yang Berhormat, jaga-jagalah, pukul 11.00 karang ada orang datang ke rumah". "Fasal apa?" "Ada buat ucapan di satu dua tempat di Melaka hari itu." "Saya peduli apa, ucapan saya. ISA pada saya tiada apa-apa". Saidina Umar sudah buat ISA.

Untuk hendak menentukan Tabung Warisan Negara dan juga Kumpulanwang Amanah Negara ini Kerajaan bercadang daripada petroleum itu \$100 juta setahun, tahun yang pertama \$100 juta. Jikalau 10 tahun adalah \$1 bilion. Dia naik harga lagi, dia untunglah. Saya tidak tahu secara pentadbiran, yang hendak makan suap, yang itu, yang ini tetapi saya bawa contoh itulah tadi.

Kalau bercakap masalah urusan negara kita gunakan minyak negara, kalau bercakap urusan peribadi, jangan pasang lampu. Begitu jugalah dengan hal-hal yang lain yang dibenarkan kita menggunakan Urusan Seri Paduka Baginda. Kita lihat di dalam masalah pembaziran- Kita hendak berjimat begitu, begini, banyak perkara- perkara yang tidak sepatutnya menggunakan USPB - Urusan Seri Paduka Baginda, orang gunakan USPB itu untuk kepentingan peribadinya. Takkanlah kereta Kerajaan mahu pergi pasar membeli ulam di Pasar Tani, takkan USPB untuk membeli ulam, takkan USPB hendak beli ikan keli. Cerita ikan keli ini, hendak minta benih ikan keli yang besar-besar ini, saya pun tidak tahu benih mana yang dibeli, salah beli benih.

\$100 juta daripada keuntungan petroleum merupakan 2% daripada hasil sumber itu. Kalau ada duit, kita tidak gunakan setahun, zakatnya dua setengah peratus. Ini diambil \$100 juta lebih kurang 2%, macam zakatlah, masuk dalam Kumpulan Baitulmal. Kerajaan

bercadang untuk mengisi Kumpulanwang Amanah Negara ini supaya menjamin masa depan, kalau minyak habis, timah kita habis. Saya berharap kita sama-sama berdoa supaya benda-benda ini tidak habis.

Satu perkara lagi, dahulu dalam Dewan ini kita pernah meluluskan Akta Pencen, kemudian Akta Pencen ditarik balik, mungkin \$100 juta ini juga untuk menampung membayar pencen. Duit pencen ini makin lama makin banyak, makin lama makin banyak. Kalau tidak ada hasil, tiada simpanan, macam mana? Kita suruh rakyat berjimat cermat, membeli-belah hasil dalam negeri, buatan Malaysia. Kalau hendak melabur pun melaburlah dalam Malaysia, jangan melabur di luar Malaysia. Kalau ada duit di luar negeri bawa balik, Kerajaan tidak kenakan cukai. Tetapi dalam Kumpulanwang Amanah Negara ini boleh dilaburkan di luar negeri. Dalam negeri, itu tidak usah ceritalah. Kenapa pula mesti di luar negeri? Tidak usahlah labur di luar negeri, laburlah dalam negeri dahulu. Dalam 10 tahun yang pertama jangan melabur di luar negeri. Kita lihat cerita saham luar negeri turun, turun, turun. Kita hendak melabur di tempat yang turun. Ini yang susah. Kita labur di dalam negeri dahulu secukup-cukupnya, sehingga kita cukup betul-betul, kita ada lebih, barulah kita melabur kongsi dengan orang lain. Kita boleh melabur dalam negeri.

Baru-baru ini ada Persidangan Arab/Malaysia. Taukeh-taukeh, jutawan-jutawan Arab tidak tahu hendak taruh duit dekat mana lagi, lalu mengalihkan pandangannya dari Barat ke Timur, hendak melabur dalam Malaysia. Ini kita joint venture bersama di antara Kumpulanwang Amanah Negara dengan jutawan-jutawan Arab. Insya Allah, kita akan berjaya dalam keadaan yang seperti itu. Kata orang, "berjimat sebelum habis, beringat sebelum kena". Kita tidak mahu putus, biar genting, sebab pakar-pakar kita telah mengkaji dan mengatakan minyak



akan habis pada tahun 2002 dan yang lain-lain yang telah diselidiki itu, itu menimbulkan kefahaman kepada kita kepada Kerajaan supaya

Apa yang saya harapkan ialah supaya Kerajaan berhati-hati. Banyak kali sudah disebut, banyak Ahli-ahli dalam Dewan ini sudah menyebut masalah BMF, masalah itu, masalah ini, masalah rasuah, tidak usahlah saya sebut lagi. Malu kita. Sekali kita terkena, dua kali kita tahu, kali yang ketiga jangan terkena Lagi. Kalau terkena lagi, tolol jawabnya. Kalau dahulu sudah terkena, kali kedua tidak tahu, kali yang ketiga terkena juga lagi, tubuh Kumpulanwang Amanah Negara ini dengan ahli panelnya orang bijak pandai, golongan profesional, begitu, begini, terkena juga lagi, jawabnya menjadi keluarga tolollah kita. Jangan.

Kita mengharapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, lantiklah mereka yang benar-benar mempunyai perasaan cinta, sayang, kasih kepada negara ini yang akan menjaga khazanahnya, yang akan menjaga Kumpulanwang Amanah Negara ini untuk jenerasi yang akan datang, untuk cucu, cicit kita yang akan datang. Dia hendak banyakkan lagi itu terserah kepada dia. Lantiklah mereka yang benar-benar bertanggungjawab yang Menteri fikir benar-benar layak dengan tidak ada pandang pilih kasih, kerana di situ ada peruntukannya, elaunnya, begitu, begini. Manusia perlu kepada itu semua. Itu kita kena jaga supaya kita jangan macam, "si buta kehilangan tongkat dua kali." Sejarah kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka, kerana permainan si Kitol dengan setahil, dua tahil emas, lingkup Kerajaan Melayu Melaka. Ini sejarah dan berikutnya kepada sejarah pemerintahan Raja-raja Melayu yang lain. Apakah sekarang kita akan mengikut jejak langkah sejarah itu dan kalau sejarah mahu berulang lagi,

tiada siapa yang boleh menolak, tetapi kewajipan kita ialah mempertahankan nasib negara dan bangsa.

Tuhan sendiri mengingatkan di dalam Al-Quran, "Tuhan tidak akan mengubah nasib satu-satu kaum, bangsa kita Malaysia, kalau bangsa itu sendiri tidak mengubah nasibnya...". Diperingatkan kepada kita gupaya jangan menjerumuskan diri kepada kehancuran, kepada kebinasaan....." Kalau sudah sampai masanya minyak hendak habis, apa hendak buat, kita bacalah surah Yasin, yang bermaksud, "Setiap sesuatu yang Tuhan beri, satu masa akan ditarik balik". Dia beri kita minyak, sampai tahun 2002 kering. Apa hendak buat? Dia bagi kita kayu balak begitu banyak, satu hari berlaku satu malapetaka alam kayu balak semua busuk dimakan serangga, kita hendak cakap apa? Diberi bijih timah, bijih timah kita bertukar menjadi pasir, kering, hendak jadi apa? Ini kuasa Allah s.w.t.

Tetapi Allah s.w.t. berkata, "Aku sentiasa melindungi hambahambaku,..." Aku kasih, cinta kepada orang-orang, pada rakyatnya, umatnya yang menjaga kebersihan kehidupannya dan sentiasa berlindung dan bertakwa kepadanya. Itu huraiannya. Sebab itu kita mengajak rakyat kita supaya kita sentiasa membersihkan kehidupan kita baik dalam bidang siasat, politik, pekerjaan, bekerja, ethika khidmat cemerlang dengan punch cardnya dan macam-macam supaya kita dilindungi oleh Allah supaya kita jangan menjadi orang yang durhaka. Sebab orang yang durhaka, orang yang menyalahi Kerajaan, menyalahi Ululamri - tidak taat kepada Rasul. Tidak taat kepada Rasul bermakna tidak taat kepada Allah. Mula-mula hendaklah taat kepada Kerajaan, kita bekerja mengajak rakyat taat kepada Kerajaan, kepada Rasul dan kepada Allah.

Tetapi oleh kerana keadaan kegelisahan yang menimpa oleh kerana kemelesetan ekonomi, kita baca di suratkhbar rakyat pekebun kecil rugi \$70 juta setahun kerana cara memproses getah yang tidak mengikut amalan yang sebenar. Kita hendak salahkan siapa. Pekebun-pekebun kecil getah di hulu Kelantan dan pendalaman negeri Johor, di perkampungan pendalaman negeri. Pahang, mereka menoreh getah pagi. dan petang itu kerana perlukan wang. Mereka tidak dapat hendak memproses mengikut sistem RRIM atau cara yang dibuat. Mereka menoreh getah pagi dan petang kerana mahu dijual. Jadi, oleh kerana itu kita rugi. \$70 juta. Macam mana cara hendak menyelamatkan itu. Ini berlaku skandal dalam RISDA. Skandal inilah yang perlu menjadi renungan kepada kita.

Tadi dibawakan cerita mengenai masalah jambu batu. Tak lama lagi selepas ini kita akan bahaskan pula akta mengenai dengan nenas. Kemudian kita akan bincang lagi. masalah lautan dalam, menangkap ikan di lautan dalam, macam-macam cerita, kesemuanya hendak menyelamatkan negara dan rakyat, tetapi sejauh mana penerimaan rakyat kepada ini. Ini hendak simpan \$100 juta dalam Kumpulan Wang Amanah Negara tak terlibat dengan rakyat pun sebab wang ini. sudah ada. Tiap-tiap tahun hanya kutip dan serah kepada Bank Negara. Kutip daripada PETRONAS, serah kepada Bank Negara. Kalau wang rakyat hendak mengisi dalam tabung ini, jutawan-jutawan, isilah. Sekarang ini wang ini hendak menyelamatkan rakyat yang dibawah seperti petani, nelayan, kaum buruh, penanam padi., penangkap ikan, penoreh getah, pekebun kecil, penganggur, hendak menyelamatkan rakyat yang menderita, yang sakit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya katakan tadi daripaaa mula kesedaran ini timbul dari Perhimpunan Agung UMNO kita. Wakil-wakil dalam Perhimpunan Agung UMNO itu menyedari. bahawa kita memerlukan kepada tabung. Tabung sudah banyak. Tabung Perwira, Tabung Bencana Alas, tabung itu dan macam-macam tabung ada dalam negara kita. Jadi, kalau macam-macam tabung ada dalam negara kita tentu wang itu disatukan dan dimasukkan dalam Kumpulan Wang Amanah Negara dan di sana dibuat kira-kira. Wang ini \$100 juga daripada PETRONAS, sekian juta dari tabung ini, sekian juta daripada tabung ini., begitu, daripada wang itu terbiar begitu sahaja.

Begitu juga di dalam Seminar Baitulmal baru-baru ini yang dibuat di Keluang dan dihadiri oleh pakar-pakar agama. Berjuta-juta harta wakaf Baitulmal yang tidak dapat dibangunkan kerana masih bersikap dengan sikap yang lama. Ini wakaf am, ini wakaf khas. Wakaf am boleh buat apa sahaja, wakaf khas tak boleh buat. Apakah kita sampai kepada tahap begitu jumut, begitu beku di dalam bidang Fekah. Ini terserah kepada alim-ulamak sebab saya tidak termasuk dalam kategori alim-ulamak, saya cuma boleh membawa ini untuk menyuarakan apakah kita sampai begitu jumut kepada tahap hendak menyelamatkan itu. Kita takut nanti wang \$100 juta ini oleh kerana tidak mahu jumut, terlalu progresif, sampai hayat pula menjadi korban.

Dalam ucapan-ucapan yang dibuat oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi seperti kira-kira BMF dan sebagainya. Jadi, kita perlu berhati-hati dan kita perlu mempelajari daripada apa yang telah berlaku kepada kita, kepada bangsa kita, kepada negara kita. Kumpulan Wang Amanah Negara ialah untuk rakyat Malaysia seluruhnya dan bukan untuk satu-satu kaum. Ini yang perlu sokongan sepenuhnya daripada semua orang. Jangan ada rasa prejudis, jangan ada rasa

cemburu dalam masalah ini. Begitulah gigihnya Kerajaan hendak menyelamatkan rakyat. Sebuah negara, yakni Kerajaan yang didatang oleh rakyat, Kerajaan yang akan kembali. memberi. khidmat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini. saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya dan semoga Kumpulan Wang Amanah Negara ini. akan mencapai kejayaan di satu masa akan datang, insya Allah sama-sama kita tunggu. Oleh kerana ianya akan dibentang di dalam Parlimen setiap tahun, maka terpulanglah kepada Ahli-ahli Parlimen di masa-masa yang akan datang setiap tahun apabila kertas statut mengenai masalah Kumpulan Wang Amanah Negara ini. dibentangkan, tanya dan dibahas, Ini tanggungjawab kita bersama.

Saya akan tamat pada tahun hadapan dan saya tidak berpeluang untuk membaca penyata Kumpulan Wang Amanah Negara ini pada tahun hadapan, terserah kepada generasi yang akan datang yang akan mengisi tempat ini memberi panduan pula kepada pembentangan penyata kira-kira Kumpulan Wang Amanah Negara ini di masa-masa yang akan datang.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kerana peluang yang diberikan kepada saya untuk memberikan sokongan kuat saya kepada Akta menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada petang semalam. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Dahalan.

### **5.55ptg.**

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama membahas dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang yang bernama Kumpulan Wang Amanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membuat ucapan secara ringkas sahaja, tetapi memandangkan masa hanya 5 minit lagi, tak mungkinlah agaknya dapat saya....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh sambung, Yang Berhormat. setengahjam-lebih lagi.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Saya minta maaf. Bagaimanapun ucapan saya secara ringkas sahaja.

Yang pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah di atas pandangan jauh Kerajaan dalam usaha mengumpul wang untuk diguna di masa hadapan bagi kepentingan negara dan rakyat. Usaha ini dari dasarnya amatlah konstruktif dan inovatif.

Saya juga ucap tahniah di atas sumbangan pertama dari PETRONAS sebanyak \$100 juta setahun. Saya percaya ini hanya sumbangan minima daripada PETRONAS. Sekiranya berkemampuan saya berharap PETRONAS akan memberi sumbangan yang lebih besar. Begitu juga harapan saya terhadap badan-badan yang lain lagi.

Dari segi pelaksanaan Kumpulan Wang Amanah Negara ini, saya ingin menarik perhatian terhadap beberapa perkara mengenai keahlian panel dan pelaburan dan saya ingin membuat beberapa saranan dan cadangan.

Mengikut fasal 4(1)(d) dua orang anggota yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan atau kewangan akan dilantik. Dalam hal ini Kerajaan mesti betul-betul halusi tentang credibility seseorang yang akan dilantik itu. Saya bimbang berlakunya, dengan izin, conflict of interest yang akan mengecewakan hasrat sebenarnya amanah ini ditubuhkan. Sejarah telah membuktikan perkara seperti ini memang berlaku. Dalam hal ini, Menteri. Kewangan dan Kerajaan akan menjadi sasaran. Ini harus dielakkan. Dengan izin, prevention is better than cure.

Tuan Yang di-pertua, dalam melantik ahli panel, Menteri Kewangan dibebankan dengan tugas lantikan. Saya menaruh keyakinan penuh bahawa Menteri berkenaan akan menggunakan budibicaranya demi kepentingan negara dan rakyat dan seelok-eloknya keputusan dibuat selepas mendapat restu dari Kabinet. Ini penting dari segi tanggungjawab bersama, dengan izin, collective responsibility. Jangan bila semua bagus, semua dapat nama; bila tak bagus, Menteri Kewangan seorang menjadi mangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bilangan keahlian saya anggap 5 orang ahli panel tidak mencukupi untuk mengendalikan Kumpulan Wang Amanah Negara memandangkan wang yang terkumpul begitu besar. Saya mencadangkan supaya ditambah menjadi 7 orang termasuk seorang hakim dan seorang daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini tidak disebut jangka masa keahlian panel. Saya cadangkan supaya diberi perhatian terhadap ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaburan, mengikut Fasal 7(i)(c), pelaburan boleh dibuat kepada mana-mana institusi kewangan antarabangsa atau negara ahli OECD. Ini telahpun disebut oleh banyak ahli-ahli yang sebelum daripada saya. Dalam hal ini saya sarankan supaya keutamaan diberi kepada pelaburan dalam negeri, termasuk pelaburan yang memberi faedah sosial kepada rakyat, sekurang-kurangnya rakyat negara kita yang mendapat 'direct benefit', dengan izin, daripada pelaburan tersebut, selain dari faedah pencegahan pertumbuhan pengangguran dan membasmi kemiskinan. Sekiranya dilabur dalam negari, jentera ekonomi negara bergerak dan memberi apa yang disebut dalam ekonomiks sebagai 'multiplier effect', dengan -izin. Dengan ini negara kita segar dan pulih semula, insya Allah.

Untuk mengakhiri ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pihak Menteri Kewangan terpaksa menggunakan budi-bicaranya dan dalam hal pelaburan, saya sarankan juga superior reference, dengan izin, dibuat kepada Kabinet supaya beliau terselamat dari apa jua sasaran dari pihak musuh Kerajaan terutama sekali pihak Pembangkang;

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tuan C. Krishnan, sila.

#### **6.02 ptg.**

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini untuk membahaskan mengenai suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara bersampingan dengannya.



Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini. memang baik dan akan mendapat sambutan daripada semua lapisan masyarakat. Dalam perbahasan ini., beberapa Ahli-ahli. Yang Berhormat telahpun menyentuh mengenai Panel yang akan ditubuhkan oleh Menteri Kewangan. Saya sendiri pun di sin ingin mengeluarkan beberapa pandangan mengenai penubuhan Panel Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk melantik Panel ini akan diberi kepada Menteri Kewangan. Kita sedia maklum beberapa isu mengenai kewangan telahpun berlaku dan sebab itu haruslah kita mengambil perhatian berat mengenai Kumpulan Wang ini .Oleh sebab itu saya mengesyorkan supaya apabila Menteri Kewangan melantik pemegang-pemegang amanah, saya berbarap perlantikan yang setakat 5 orang ini dapat kita menyesuaikan dengan lebih daripada 10 orang. Menurut Rang Undang-undang ini Panel itu terdiri daripada seorang Timbalan Pengerusi daripada Kementerian Kewangan, seorang pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri. dan dua orang anggota yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan atau kewangan. Ini. telahpun disebut di dalam Rang Undang-undang ini, tetapi mengenai lantikan seorang Pengerusi, sama ada ianya dari bidang politik atau dari mana golongan itu tidak disebut di sini. Saya ingin memberi pandangan saya supaya pemegang-pemegang amanah ini yang setakat 5 orang sahaja itu diganti dengan lebih daripada 10 orang.Haruslah perlantikan ini diperbanyakkan sebab amanah ini dalam tempoh 10 tahun nanti akan jadi satu amanah yang besar dan perlulah dikawal supaya tidak terjadi apa-apa skandal di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh Kumpulan Wang Amanah Negara ini yang setakat 10 tahun itu saya cadangkan supaya ianya ini dilanjutkan kepada 20 tahun, kerana Kumpulan wang ini ditubuhkan untuk jenerasi-jenerasi muda yang akan datang. Apa salahnya kalau kita melanjutkan tempoh Kumpulan Wang ini selama 20 tahun supaya jenerasi-jenerasi yang akan datang mendapat faedahnya, mendapat apa-apa jua yang baik daripada Kumpulan Wang yang akan ditubuhkan ini.

Oleh sebab ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara yang mulia ini telahpun mengeluarkan pandangan-pandangan yang banyak, saya tidak hendak mengulanginya. Dengan dua pandangan terhadap perlantikan Panel dan tempoh Kumpulan Wang yang selama 10 tahun itu dilanjutkan selama 20 tahun lagi. Dengan dua pandangan ini saya menyokong suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara iain yang bersampingan dengannya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Encik Lim Heng Tee.

**6.08 ptg.**

**Tuan Lim Heng Tee [Pulau Pinang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1987.

Tuan Yang di-Pertua. saya menyokong Rang Undang-undang ini yang bertujuan menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dengan objektif membuat peruntukan bagi masa depan dan jenerasi yang akan datang. Ini merupakan satu peribahasa 'menyediakan payung sebelum hujan

turun' dan ini adalah satu perbuatan Kerajaan kita yang bertanggung-jawab.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun satu Rang Undang-undang hanya boleh dipandang baik sekiranya ianya mempunyai checks and balances, dengan izin, dalam peruntukannya. Kuasa untuk menjalankan tugasnya memang mesti ada. Di samping itu dengan hak-hak dan sekatan-sekatan yang tertentu juga mesti ada untuk mencegah dan menjaga sebarang penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia telah menjadi ultra sensitive, dengan izin, terhadap perkara-perkara kewangan yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan, oleh kerana terdapat banyak skandal tentangan kebelakangan ini. Oleh yang demikian patutlah kita berhati-hati dalam semua perkara kewangan awam. Kumpulan Wang Amanah Negara yang dicadangkan ini, merupakan satu Kumpulanwang yang ter-bssar melibatkan wang sebanyak beribu-ribu juta ringgit.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa Menteri Kewangan diberikan kuasa, kawalan yang mencukupi untuk menjaga perjalanan Kumpulan Wang tersebut. Menteri Kewangan hendaklah menyediakan satu salinan akaun teraudit dan laporan tahunan dibentangkan dalam Parlimen. Peruntukan tersebut adalah baik, tetapi ini berlaku satu tahun sahaja, hanya Menteri Kewangan seorang sahaja yang bertanggungjawab dalam tempoh satu tahun ini.

Saya penuh yakin integriti dan kebolehan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita dalam menjalankan Kumpulan Wang ini, tetapi kita bukan merancang untuk masa sekarang sahaja, kita merancang untuk masa 10 tahun, 20 tahun atau lebih yang akan datang sebagaimana yang dikatakan tadi oleh rakan saya. Pada masa itu kita tidak dapat memastikan. Menteri Kewangan ialah seorang yang mempunyai integriti dan kebolehan yang sama dengan Menteri Kewangan yang ada sekarang.

Sebenarnya, dalam 10-20 tahun dari sekarang kebanyakan Menteri-menteri Kabinet mungkin tidak akan memegang jawatan-jawatan Menteri lagi dan kita semua Ahli-ahli Dewan Negara ini pun tidak akan ada lagi berada di Dewan yang mulia ini.

Pada pendapat saya kuasa yang diberi kepada Menteri Kewangan dalam Rang Undang-undang ini adalah lebih. Contohnya, Fasal 9 dan 14 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memberikan arahan kepada Panel untuk membuat peraturan-peraturan, tiada peruntukan untuk beliau merundingkan atau membincangkan dengan sesiapa pun sebagai satu safeguard tambahan.

Saya mencadangkan diperuntukkan bahawa Menteri Kewangan mesti melaporkan dan merundingkan tindakan-tindakan beliau berkenaan dengan Kumpulan Wang tersebut dengan Kabinet yang bertanggungjawab secara bersatu atau collective seperti yang dicadangkan tadi oleh rakan-rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan Kumpulan Wang tersebut dijaga dengan baik dan selamat, saya berharap pihak yang bertanggungjawab mengelakkan pelaburan-pelaburan yang risky, dengan izin, atau merbahaya. Janganlah speculate atau take chances dan cuba mendapat keuntungan yang tertinggi, melaburlah dari segi keselamatan wang dan keuntungan yang munasabah. Kita mesti 'play safe'.

Sungguhpun terdapat syarat-syarat yang menghadkan jumlah pinjaman-pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan kepada mana-mana pihak berkuasa atau Perbadanan Awam dan mana-mana koperasi datam 20% daripada aset boleh lupus Kumpulan Wang, Kerajaan harus berhati-hati memandangkan kegagalan dan kerugian besar yang telah berlaku oleh agensi-agensi Kerajaan, Perbadanan-perbadanan Awam dan koperasi-koperasi ke belakangan ini. Oleh sebab kegagalan mereka tidak mampu membayar balik pinjaman-pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan mereka dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan mengambil perhatian berat tentang komen-komen dan cadangan-cadangan kita mengenai operasi Kumpulan Wang Amanah Negara yang dicadangkan ini serta

mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan Kumpulan Wang Amanah Negara ini dijaga dan digunakan dengan betul,

Saya yakin Kerajaan dan kita semua telah membuat satu keputusan yang betul dan bijak untuk masa dan generasi yang akan datang.

Dengan kata-kata **ini**, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak berucap, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk memberi jawapan dan menggulung perbahasan. Dipersilakan.

**6.17 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Hohamed Farid bin Ariffin]:**  
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah bangun dan membahaskan Rang Undang-undang mengenai penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara selama satu hari suntuk dan separuh hari semalam.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang tersebut.

Saya juga amat sukacita memandangkan bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi perhatian yang berat kepada pelaksanaan Rang Undang-undang ini, dengan memberi pendapat dan teguran yang berguna supaya Kumpulan Wang ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, bukan untuk kita, bukan untuk generasi yang ada hari ini - insya Allah, tetapi untuk anak-anak kita dan cucu-cucu kita yang akan datang. Jelas kelihatan terdapat pendirian yang sejajar di antara pihak Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Di sini ingin saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan akan memberi perhatian yang sewajarnya kepada pandangan-pandangan ini memandangkan bahawa Kumpulanwang ini mempunyai implikasi yang besar ke atas generasi di masa hadapan kita kelak.

Saya faham bahawa lebih kurang mengikut catitan saya seramai 24 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Di dalam ucapan Yang Berhormat telah menyentuh tentang beberapa hal yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini.

Saya telahpun cuba merumuskan bahawa pada pokoknya ucapan-ucapan Yang Berhormat berkisar melalui dua perkara besar.

Perkara yang pertama, ialah perkara yang berkaitan dengan hal-hal am, berkenaan dengan dasar Rang Undang-undang ini.

Perkara yang kedua, ialah perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Rang Undang-undang ini yang telahpun berkait sedikit-sebanyak dengan cara dan juga dengan 'the ways', 'methods' dengan izin, Rang Undang-undang ini ditadbirkan.

Kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan kebimbangan pada dasarnya tentang kuasa-kuasa yang telah diberi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya ingin menegaskan di sini pada dasarnya kita perlu faham bahawa kuasa yang diberi kepada Menteri Kewangan untuk melantik ahli panel dan juga mentadbirkan sedikit sebanyak mengikut seksyen-seksyen yang ada melalui Seksyen-seksyen 4,5 6 dan 7 adalah kuasa yang diberi kepada seorang Menteri yang di "incorporated"kan, dengan izin. Bukan sebagai seorang Menteri yang berbentuk individu. Oleh kerana itu maka badan Menteri ini adalah satu badan yang perpetual, yang tidak mati, yang akan beralih daripada satu masa ke satu masa. Dan oleh kerana itu maka dengan sendirinya timbul konsep bahawa Menteri yang diincorporated-kan itu adalah seorang Menteri yang mempunyai hubungan yang rapat dengan seluruh Kabinet. Dan oleh kerana itu kebimbangan-kebimbangan yang telah ditimbulkan itu adalah satu kebimbangan dan amaran supaya perkara-perkara yang telah berlaku akhir-akhir ini tidak berulang lagi.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa sudahpun ada 36 Tabung Amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Prosedur Kewangan dan 6 Tabung Amanah yang telah ditubuhkan mengikut Akta Parlimen. Dan dengan ini saya ingin menyatakan dan menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, di dalam 36 yang dibawa melalui Usul, yang akhir sekali saya bawa ialah di dalam Dewan Rakyat iaitu Tabung Amanah Pembangunan Belia dan Tabung Amanah mengenai Pembangunan Penyelidikan Laut dan juga Hasil Laut dan Taman Laut, dengan izin, kalau saya silap itu saya akan betulkan kemudian, Daripada itu kita dapat mengatakan di sini dengan tegasnya bahawa tidak ada satu pun tabung yang ditubuhkan di bawah tajuk "Amanah" yang telahpun



diselewengkan ataupun disalah tadbirkan. Contoh-contoh yang diberi seperti MAMINCO, KWSP, Bank Rakyat, Bank Bumiputera, masalah yang ditimbulkan di dalam penyelewengan yang berlaku akhir-akhir ini oleh beberapa orang yang kita percayai untuk mentadbirkan bank-bank tersebut tidak termasuk dalam Kumpulan Wang Amanah. Walaupun pada pokoknya banyak orang salah faham, ini ingin saya tegaskan di sini sekali lagi bahawa ada perbezaannya. Perbezaannya di antara contoh-contoh yang dibcri dengan contoh yang saya bawa tadi. Perbezaan besar ialah seperti yang saya sebutkan tadi dan saya ingin ulangi sekali lagi daripada 36 Tabung Amanah yang dibawa melalui usul di bawah Akta Prosedur Kewangan dan 6 yang dibawa melalui Akta Parlimen tidak satu pun yang didapati disalah tadbirkan ataupun diselewengkan. Mungkin ada kerugian di sana-sini. Tetapi kerugian bukan equal to dengan izin, penyelewengan ataupun penyalahgunaan kuasa. Itu adalah perkara biasa. Jika kita berniaga ada yang untung dan ada yang rugi.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin membawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya perbezaan itu dapat dikenalpasti supaya tidak timbul salah faham di dalam niat Kerajaan untuk menubuhkan Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya dasar Rang Undang-undang ini adalah termasuk dalam satu cara yang baru untuk kita mencari duit ataupun menyimpan duit. Kita ada tiga cara sahaja untuk mencari duit dalam negara ini ataupun di mana sistera ekonomi pun. Satu cara yang pertama ialah cukai. Banyak orang akan marah kalau Kerajaan kenakan cukai terlalu banyak. Tetapi dalam pembentangan Belanjawan baru-baru ini yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan

pada 23hb Oktober kita sedikit sahaja mengenakan cukai iaitu cukai jualan 5% untuk menjaga supaya tidak ada kebocoran-kebocoran yang berlaku dalam cukai jualan.

Yang kedua ialah kita pinjam. Yang ketiga kita jual aset dan hasil mahsul negara kita dan mungkin yang keempat ialah menubuhkan tabung dan supaya kita dapat jimatkan dan simpan untuk generasi yang akan datang,

Tuan Yang di-Pertua, wang Tabung ini seperti yang saya katakan mungkin akan digunakan dalam sekuriti-sekuriti yang telah dibenarkan di dalam Rang Undang-undang ini. Dan jika diluluskan kemudian, kemungkinan kebimbangan-kebimbangan yang telahpun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan diambil kira supaya Tabung ini akan bukan sahaja berkembang daripada \$100 juta pada peringkat permulaannya tetapi akan berkembang mungkin kepada berbillion-billion ringgit sebagai yang telah dijelaskan di dalam Seksyen 6 bahawa wang Tabung ini tidak dapat digunakan pada peringkat 10 tahun pertama dan hanya boleh digunakan selepas 10 tahun. Jika sekiranya kita ambil secara kasar sahaja setahun \$100 juta daripada PETRONAS sahaja sudah berjumlah \$1,000 juta. Dan jika sekiranya kita masukkan juga unsur-unsur kewangan daripada unsur-unsur lain kemungkinan besar wang \$1,000 juta dalam Tabung Amanah ini pada 10 tahun akan meningkat lebih dari \$1,000 juta.

Saya bercadang selepas Rang Undang-undang penubuhan Tabung ini diluluskan dan telahpun dibincangkan dengan pegawai-pegawai supaya dilancarkan satu kempen sekurang-kurangnya supaya setiap orang rakyat di dalam negara ini menderma ataupun memberi sedikit sumbangan kepada tabung ini mengikut kadar sekurang-kurangnya \$1 seorang. Kalau kita hitung secara senang kalau seorang \$1 kita ada 15 juta rakyat, satu tahun boleh kita kutip \$15 juta dan kalau

10 tahun, insya Allah, kita dapat \$115 juta. Ini adalah satu syor yang mungkin akan dijalankan selepas Rang Undang-undang Tabung ini diluluskan, insya Allah. Dan pegawai-pegawai Kementerian sedang mengkaji cara-cara kempen ini dapat dijalankan dan saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dapat bekerjasama dengan Kementerian Kewangan supaya Tabung ini bukan sahaja mempunyai unsur-nya daripada PETRONAS tetapi daripada unsur-unsur lain. Yang sebenarnya kalau dikira daripada pertolongan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, bantuan yang diberikan itu akan membawa kepada satu jalan yang amat jauh. It will be taken a long way. Seringgit yang diderma itu will go a long way, dengan izin.

Jadi, saya minta dalam Dewan yang mulia ini, hari ini dan sekali lagi saya meminta kerjasama daripada Yang Berhormat sekalian supaya menyokongnya. Walaupun saya belum habis lagi menggulung, ada banyak perkara-perkara lain, dan masanya dekat 'hendak habis, saya minta supaya saya dapat dibenarkan menyambung pada esok hari.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok. Dan kerana masa pun sudah cukup, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang hari esok Rabu, 2hb Disember, 1987.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**